
**MAKLUM BALAS AWAL SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
TERHADAP SYOR-SYOR DALAM LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
DI DEWAN SRI PINANG, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG**

KHAMIS, 15 Disember 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan maaf]:

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

URUS SETIA

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof [Pengerusi]
YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]
YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)**

Encik Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]
Encik Abdul Basit bin Mohd. Nawawi [Penolong Setiausaha (PSM 1), Unit Pentadbiran Awam]
Encik Mohd Azizan bin Abdullah [Penolong Setiausaha (PR 2) Unit Penguatkuasaan]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]
Encik Morat bin Pora [Pengarah Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang]
Encik Mohd Faiz Syazwan bin Zainal Abidin [Timbalan Pengarah
(Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]
Puan Pazilah binti Omar [Ketua Pembantu Tadbir (Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]
Puan Nor Maizatul binti Ahmad [Pembantu Tadbir (Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]
Puan Rogayah binti Dahaman [Timbalan Pengarah (Pejabat Pilihan Raya Perlis)]

Kementerian Dalam Negeri

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Puan Rafidah Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Cik Zuriah binti Dollah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Parlimen dan Kabinet)]
Puan Nor Azilawati binti Mustapha [Penolong Setiausaha (PP)T1
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]
Puan Rosalinda binti Ma'al [Penolong Setiausaha (TT)T3
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]
Encik Mohd Fazli bin Mohd Haron [Penolong Setiausaha (UK)T Unit Komunikasi Korporat]
Encik Abdul Qadir Siddiq bin Ahmad [Pengarah Imigresen Negeri Pulau Pinang]
Farahanun binti Zainal [Timbalan Penolong Pengarah Tanjung Gelang, Kuantan]
Encik Shukor bin Salleh [Pegawai Imigresen Tinggi Perlis]
Encik Muhd Fauzi bin Karim [Timbalan Penolong Pengarah Imigresen]
Encik Rahim bin Hanaffi [Penolong Pengarah Imigresen Kedah]
Puan Nur Azelawati binti Hashim [Pembantu Tadbir (PP)T1
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]
Cik Fariah binti Ibrahim [Pembantu Tadbir (PP)A2 Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

Jabatan Pendaftaran Negara

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]
Encik Md. Solehan Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]
Encik Bakhtiar Effendy bin Khalid [Pengarah JPN Perlis]
Y.M Raja Azlal bin Raja Azman [Pengarah JPN Pulau Pinang]
Tn. Hj Muhammad Pauzi bin Hj Abdullah [Pengarah JPN Kedah]
Puan Noorhazlina binti Ishak [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]
Puan Junaidah binti Jamil [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]
Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang
(Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundingan)]
Tuan Abdul Rahman bin Anor Basha [Ketua Penolong Pengarah Pulau Pinang]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]
Encik Jamaluddin bin Sarip [Penolong Kanan Penguasa]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Lt. Kol. Hamdan Yaacob [Pengurus]

Kementerian Luar Negeri

Encik Ahmad Fuad Mohd Norzin [Penolong Setiausaha]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]
Encik Fun Pon a/l Din Phrat [Pegawai Penerangan Daerah Timur Laut Pulau Pinang]
Encik Azrul bin Hasan [Jabatan Penerangan Pulau Pinang]
Encik Choo Kim Fuat [Pembantu Penerangan]

MIMOS

YBhg. Datuk Abdul Wahab bin Abdullah [Pengerusi]
Encik Ramesh Kumar Nadarajah [Ketua Penasihat Undang-undang]

**MAKLUM BALAS AWAL SURUHANJAYA PILIHAN RAYA
TERHADAP SYOR-SYOR LAPORAN JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA**

DEWAN SRI PINANG, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG

KHAMIS, 15 Disember 2011

Taklimat Maklum Balas dimulakan pada pukul 4.16 petang

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, peringkat mesyuarat pendengaran awam sudah selesai dan akan sambung semula pada hari esok. Seperti mana yang kita lihat tadi sememangnya ada sembilan kumpulan yang telah hadir dan banyak juga idea yang baru ataupun yang setakat ini tidak begitu diutarakan, *not highlighted*. Kita akan sambung semula pada hari esok pagi. Bagi program seterusnya adalah mesyuarat tertutup antara Jawatankuasa dan pegawai-pegawai sokongan dari pelbagai agensi. Khususnya, sepertimana yang diputuskan pada mesyuarat di Kuching, untuk menjemput pihak SPR untuk memberi *initial response* kepada ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa sepertimana pembentangan di Parlimen pada 1 Disember dan telahpun diluluskan melalui usul.

Sekadar untuk memberi *initial response* dan reaksi oleh pihak SPR kepada *proposal* tersebut. Untuk itu saya telah menjemput, sebenarnya pihak SPR tetapi atas keprihatinan pengerusi dan timbalan pengerusi sendiri, nampaknya yang datang untuk bermesyuarat dengan kita. Cadangan kita pada hari ini sekadar untuk menerima *initial response* dahulu dan kita ada mesyuarat pada 29 haribulan. Disember untuk menyusuli langkah-langkah yang perlu dibuat ataupun membantu pihak SPR. Saya telah meminta pada 29, sebab 28 hari Kabinet. Jadi, saya tidak dapat hadir. Bolehlah pagi 9.30, kalau boleh ikut jadual selepas Krismas bagi mereka yang meraikan Hari Natal. Jadi, untuk hari ini sebagai permulaan barangkali setengah jam kepada Tan Sri Pengerusi untuk memberi *reaction* dahulu.

Kita tengok bagaimana masa untuk disambung. Silakan Tan Sri. Terima kasih kerana hadir begitu jauh, saya sedia maklum minggu lalu kurang sihat. Nampaknya ceria dan sihat. So, persilakan. Saya tidak mahu Jawatankuasa ini yang buat Tan Sri sakit... [Ketawa]

4.19 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof [Pengerusi, SPR]: Tidak ada, tidak ada. Bukan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli Jawatankuasa, urusetia, Datuk Roosme yang telah bekerja keras untuk membantu SPR bagi mendapatkan cadangan-cadangan untuk memperbaiki proses pilihan raya. Saya diberi masa lebih kurang 30 minit untuk memberi *initial response*, maklumat awal berkenaan dengan sepuluh cadangan. Ada dua buku yang disediakan Tuan Pengerusi. Saya ambil yang pertama dahulu, yang boleh dilaksanakan, akan dilaksanakan.

Pertama sekali, berkenaan penggunaan dakwat kekal sebagai satu kaedah untuk menyaring ataupun *to verify* pengundi-pengundi supaya tidak berlaku mengundi lebih daripada sekali. Untuk syor ini, pihak SPR telah mengadakan mesyuarat khas kami pada 13 hari bulan. Disember baru-baru ini bersama-sama dengan ahli-ahli panel SPR yang lain dan semua pegawai kanan iaitu pengarah-pengarah negeri, ada dalam mesyuarat berkenaan. Jadi, syor yang pertama, penggunaan dakwat kekal. Syor ini dipersetujui oleh SPR untuk dilaksanakan dan syor inipun adalah sebenarnya cadangan daripada SPR juga, supaya dapat dilaksanakan dalam Pilihanraya Umum Ketiga Belas. Pada masa ini, Yang Berhormat sedang memuktamadkan draf pindaan kepada Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) dan perbincangan dengan AG untuk *finalise* peraturan itu dibuat pada hari ini.

Selain daripada itu, kita juga mencadangkan, jika semuanya teratur, supaya Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 ini dikuatkuasakan pada 1 Februari 2012. Untuk makluman juga, pihak SPR telah mengemukakan *sample* dakwat kekal ke Jabatan Kimia. Saya ingat sudah lebih kurang seminggu dan akan juga dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu badan yang akan membuat keputusan berkenaan dengan halal haramnya kandungan dakwat kekal berkenaan. Setelah...

Tuan Pengerusi: Mohon penjelasan Tan Sri, tadi kita telah menyentuh perkara itu, mereka mengatakan adakah dakwat ini berbeza dengan dakwat yang dicadangkan pada...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dakwat ini dakwat yang lain.

Tuan Pengerusi: Rujuk balik kepada...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dakwat yang lain. Akan tetapi saya minta maaf, saya tidak akan mengumumkan daripada mana dan sebagainya. Akan tetapi kita memberi jaminan akan melalui proses dihantar ke Jabatan Kimia, ke Jabatan Kesihatan dan juga di JAKIM.

Tuan Pengerusi: Pada mesyuarat 29, boleh *test*?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Insyaa-Allah*, kalau diminta kita boleh bawa.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau belum lagi *cleared* by JAKIM semua...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Well*, kita akan boleh bawa tetapi mungkin botol berbeza dan sebagainya, tidak ada persamaan.

Tuan Pengerusi: Pihak Jabatan Kimia dan Kesihatan dan *maybe* untuk tujuan ahli-ahli Jawatankuasa *to have a feel of it, have a smell of it* dan...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dia ada dua Tuan Pengerusi. Yang pertama, yang mempunyai *silver nitrate* yang tinggi sedikit, 7% bagi untuk menggunakan untuk undi awal kerana dia panjang. Yang kedua 4% *silver nitrate*, yang boleh mungkin tiga empat hari. Itu untuk undi biasa. *Silver* pun mahal Tuan Pengerusi, dia ikut *market value*. Dan pada masa yang sama, SPR juga sedang menyedia...

Tuan Pengerusi: Tan Sri, Yang Berhormat Gombak juga nak minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Tan Sri memaklumkan bahawa *sample* dakwat kekal ini 'telah' pun dikemukakan kepada pihak JAKIM. Salah satu agensi untuk mengesahkan dari segi hukum...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: 'Akan' dikemukakan kepada pihak JAKIM...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Oh, belum.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Belum.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okay.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita 'telah' hantar ke Jabatan Kimia.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini *concern* sayalah. Maknanya, kalau kita hantar ke JAKIM, berapa lama tempoh yang boleh kita dapatkan maklum balas, kerana mengikut pengalaman saya Tan Sri, Jawatankuasa Majlis Fatwa ini tidak bermesyuarat setiap minggu atau setiap bulan. Mereka bersidang mungkin enam bulan sekali. Ini kebimbangan kita. Saya tidak mahu ini menjadi alasan untuk mengelakkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihanraya akan datang. Kalau boleh SPR mohon pihak JAKIM untuk menyegerakan supaya ia tidak timbul fitnah seolah-olah ia menjadi alasan untuk melengahkan, kerana Majlis Fatwa tidak bermesyuarat setiap bulan pun. Dia enam bulan sekali baru mereka bersidang.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Insyah-Allah* Yang Berhormat. Terima kasih di atas ingatan. Baru-baru ini saya berjumpa dengan salah seorang ahli. Mufti Negeri Selangor, menyatakan hasrat kita itu dan nampaknya dia ingin memberi kerjasama. Kalau itu diperlukan, saya akan berjumpa dengan Ketua Pengerusi JAKIM, Tuan Pengerusi. Pastikan jangan ikut normal *schedule*. Selepas daripada itu Tuan Pengerusi, kita juga sedang menyediakan tata cara, *the detailed procedure how to use that indelible ink*. Pada peringkat awal ini kita mencadangkan dicalit di jari, kena kuku, bukan di belakang, yang kena kuku dan dalam kuku sekali. Biasanya kena kuku ini susah. Macam mana pun ia melekat di situ. Masa dicalit itu ia bukan dipegang, ia di letak... [*Menunjukkan kaedah dengan jari*] Kalau ini banyak kadang-kadang dakwat yang rugi. Jadi, letak satu tempat kemudian kita akan calit.

Bukan dipegang jari dia, tidak. Kemudian pihak SPR juga apabila tatacara ini telah sedia dan mungkin akan dibentangkan di sini pada 29 Disember, akan juga mengadakan Kempen Kesedaran Penggunaan Dakwat Kekal itu kepada orang awam.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Satu soalan Tuan Pengerusi. Jari mana yang telah ditetapkan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bagi yang ada 10 jari, mengikut prosedur yang kita cadangkan, jari sebelah kiri, jari telunjuk.

Tuan Loke Siew Fook: Kiri?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kiri, kiri. Akan tetapi jika jari sebelah kiri, jari telunjuk tidak ada, jari-jari mana sebelah kiri boleh. Akan tetapi kalau jari sebelah kiri tidak ada, mana-mana jari sebelah kanan boleh.

Tuan Pengerusi: Kalau dua-dua tidak ada?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau sepuluh-sepuluh jari tidak ada, dihujung lengan. Kalau lengan tidak ada...

Tuan Pengerusi: Muka.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bahu, contohnya. Akan tetapi mengikut pengalaman kita, tidak ada yang sampai macam itu.

Tuan Pengerusi: Di bahu tidak ada orang nampak.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, itu standard ya, mesti jari ini?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu kita punya cadangan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: Tatacara.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kiri, letak ditempat dan bukan dipegang.

Tuan Pengerusi: Nanti pegawai ambil alasan pegang tangan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi dia pakai *glove*.

Tuan Pengerusi: Okay, sila.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Okay, berkenaan dengan pengundian awal. Ini pun kita bersetuju iaitu akan melaksanakan dalam pengundian awal ini dalam Pilihanraya Umum Ketiga Belas, untuk menambahbaik proses undi pos yang kita gunakan selama ini. Kemudian sedang digubal peraturannya, ini satu peraturan yang baru berkenaan pengundian awal dan beberapa pindaan kepada peraturan-peraturan yang lain. Penasihat undang-undang saya mengatakan ada, berkaitan dengan peraturan-peraturan lain iaitu perjalanan pilihan raya dan juga pengundian pos. Jadi, semua itu akan dipinda untuk membolehkan undi awal ini dilaksanakan mengikut peraturan itu.

Tuan Loke Siew Fook: Soalan juga. Minta maaf Tan Sri, saya bertanyakan soalan berpanduan kepada *point* yang telah diberikan jawapan. Berkenaan dengan ini, saya cuma hendak minta kepastian daripada SPR berkenaan dengan agen-agen daripada parti politik. Sebab saya bertanyakan soalan ini di Parlimen dan diberikan jawapan bahawa walaupun pada dasarnya agen parti politik akan dibenarkan untuk masuk ke dalam kem ataupun ke balai polis tetapi tertakluk kepada kebenaran OCPD ataupun ketua kem.

■1630

Jadi, saya hendak mendapatkan kepastian ini sebab kita tidak mahu ada situasi timbul bahawa ada kem, katakan komander kem itu tidak membenarkan menggunakan budi bicara dia. Maka, ada mungkin kem tidak boleh diakses. So, saya hendak minta ini juga kepastian daripada SPR dan Kementerian Dalam Negeri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sebenarnya kita telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin daripada tentera dan juga pihak PDRM. Pada dasarnya, mereka bersetuju supaya ejen parti ataupun wakil calon berada dalam bilik mengundi iaitu maknanya, tempat SPR telah berbincang dengan mereka dan mereka menyatakan persetujuan ejen parti.

Tuan Pengerusi: Tempatnya semua itu, lokasi, akan ada *guidelines* nantilah di mana pegawai SPR akan menunjukkan...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ini kerana apa Tuan Pengerusi, pada masa itu adalah masih dalam tempoh kempen.

Mungkin hari kelima, mungkin hari keenam, masih tempoh kempen yang panas. Jadi, kita mesti ambil tempat yang sesuai dan selamat. Jadi, itu yang saya sebut tadi di tempat di kem dan juga di polis-polis kontinjen dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: *Some guidelines...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dan ejen parti memang dibenarkan masuk di dalam.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Tan Sri, soalan. Dari segi praktikalnya itu, saya dapati bahawa sekarang juga yang kita amalkan pengundian, ia kadang-kadang itu mengambil dua hari dalam kontinjen-kontinjen polis yang besar-besar, IPD dan sebagainya mengambil dua hari sebab kakitangannya bekerja *shift duty* dan sebagainya. Kadang-kadang mengambil masa dua hari untuk habiskan semua kakitangan untuk mengundi. Kalau itu berlaku, *then you have to ensure polling agent* datang apa semua, hendak *sealkan all the procedure* kena diaturkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ia memang betul Yang Berhormat. *As long as doesn't exceed* pukul 5 petang hari mengundi. Ia mungkin dua hari, mungkin tiga hari, bergantung kepada bilangan ramainya. Seperti contoh di Lumut.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Wangsa Maju.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Wangsa Maju, yang begitu ramai walaupun bilangan salurannya banyak tetapi anggotanya ramai. Jadi, memakan masa. Akan tetapi kita ambil ingatan, apabila pada hari pertama itu misalnya ditutup, di *seal*, kita ambil prosedur keselamatan dan disimpan di tempat yang selamat. Sekiranya ejen parti ingin sama menjaga sebagaimana yang kita buat di Bagan Pinang, jadi kita tidak ada halangan menjaga peti undi berkenaan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tan Sri, kalau saya boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya minta penjelasan sedikit Tan Sri. Syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa ini dan telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat, berhubung pengundian awal, tidak selaras dengan apa yang kita terima daripada SPR pada petang ini. Di mana SPR memutuskan kategori pemilih yang layak untuk mengundi awal ialah pengundi tidak hadir daripada kalangan anggota tentera, pasangan anggota tentera, anggota polis dan anggota PGA serta pasangannya. Dalam cadangan yang kita kemukakan pada muka surat 105, Perkara 2.3, kita memutuskan supaya kategori yang dibenarkan mengundi awal terdiri daripada anggota tentera dan pasangan serta anggota polis. Pasangan anggota polis kita tidak benarkan untuk mengundi awal.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang di sini anggota polis ini PGA.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Hanya PGA ya?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, polis hutan. Isteri PGA sahajalah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maknanya, isteri PGA sahaja.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau polis biasa...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak. Itu yang pertama. Betul ya?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yang kedua, kita juga dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa, kita mencadangkan supaya proses pengundian awal ini dilakukan di tempat yang sama dengan undi awam sama ada di dewan ataupun di tempat-tempat awam dan mengikut prosedur dan mekanisme dan kaedah yang sama. Tidak lagi menggunakan borang A, borang B, borang C tetapi kalau cadangan tadi saya dengar masih dalam kem.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Maksud saya begini Tuan Pengerusi, saya sudah kata tadi, pada masa itu adalah waktu kempen, bukan masa *polling day*. Betul-betul kempen tidak dibenarkan lagi. Jadi, kita memikirkan kalau dibuat di sekolah, di Dewan, di luar, keadaan mungkin begitu panas. Pada masa itu kempen begitu panas. Jadi, kita ambil tempat yang agak tidak begitu terbuka iaitu di kem dan juga di IPK, IPD. Bukan maknanya ejen parti tidak boleh ada sama dan ia tidak mengikut proses seperti undi pos. Ia seperti undi biasa.

Tuan Pengerusi: Undi terbuka.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak ada lagi sampul surat, tidak ada lagi borang 2. Sama seperti undi biasa.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey Tan Sri, saya setuju. Maknanya, kaedah itu sama dengan undi awam.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma apabila pengundian dilakukan dalam kompleks IPD, IPK tentera ini, *the fear is still there* di kalangan pengundi-pengundi awal ini. Sebenarnya tujuan kita penambahbaikan ini untuk *eliminate all this fear* dan rasa tidak bebas dalam mengundi. Jadi, bagaimana SPR boleh membantu dalam proses ini. Mungkin cari kawasan yang boleh kita...

Tuan Pengerusi: Di luar kem.

Tuan Mohamed Azmin Ali:...Di luar kem seperti yang kita bincang daripada awal...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya tetapi yang saya kata Yang Berhormat, pada masa itu adalah masa kempen yang begitu panas di luar dan kalau dibuat di kem dan IPD ini pun, bukan dibuat oleh orang tentera ataupun orang polis. Semuanya dikendalikan oleh pegawai dan staf SPR. Tentera dan polis tidak dibenarkan.

Tuan Pengerusi: Maknanya, pinjam lokaliti.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Cuma pinjam lokaliti.

Tuan Pengerusi: Pinjam bangunan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, apabila kita wujudkan sistem pengundian awal, faktor utama kita untuk memberi kepuasan dari aspek ketelusan.

Jadi, sistem pengundian awal ini *exactly* macam sistem pengundian biasa. Diuruskan oleh petugas-petugas yang dilantik oleh SPR, dihadiri oleh wakil-wakil calon yang bertanding, tidak menggunakan Borang 2, tidak menggunakan *envelope*, menggunakan peti undi *transparent* dan sistem pengundiannya serupa macam pengundian di luar, cuma tempat sahaja kita terpaksa guna dalam kem tentera disebabkan kerana tempoh undi awal. Hari yang akan ditetapkan untuk undi awal ini ialah tempoh rasmi berkempen masih lagi berkuat kuasa di luar sana itu. Jadi, kalau kita pilih sekolah sebagai tempat untuk pusat pengundian awal, SPR khawatir sekolah itu akan dikelilingi oleh para penyokong parti, datang bawa bendera dan sebagaimana yang berlaku pada hari pengundian biasa. Jadi, kalau kita lihat daripada sudut ketelusan, tempat mengundi tidak menjejaskan ketelusan.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat bercakap dari segi *fear*, bukan lagi anggota tentera yang beruniform, yang koyak kertas undi, yang buat itu dan ini. Semuanya pegawai-pegawai SPR, cikgu-cikgu yang kita lantik, macam undi biasa. Cumanya, dibuat di dalam kem atas sebab faktor keselamatan. Kedua, tidak mahu orang ramai datang berkempen ataupun datang memberi sokongan di luar kem tentera itu. Kalau kita buat di sekolah, tentulah suasana seperti pengundian biasa akan berlaku.

Jadi, saya rasa kalau kita hendak memenuhi hasrat mewujudkan ketelusan perjalanan pilihan raya, saya rasa faktor tempat tidak begitu menjadi sebab untuk kita pertikaikan sebab semuanya proses itu Yang Berhormat, adalah proses undi biasa. Tidak ada satu anggota tentera pun yang akan terlibat. Mereka hanya beri pinjam kita Dewan sahaja. Itu sahaja. Jadi, saya rasa bila aspek orang mempertikaikan undi pos ini, orang *concern* ini fasal ketelusan. Undi pos tidak telus. Jadi, sekarang ini semua berlaku. Wakil daripada calon akan duduk di situ daripada jam 6.30 pagi sehingga peti undi ditutup, selepas itu dia boleh ikut kereta yang membawa peti undi yang telah di *seal* itu, yang telah ditandatangani oleh ejen-ejen itu, ke bilik gerakan pegawai pengurus yang akan dijaga oleh anggota polis 24 jam, sehinggalah pukul 5 petang pada hari mengundi dan akan dikira di depan ejen-ejen calon yang bertanding. Jadi, saya harap Yang Berhormat tidak ada halangan dalam perkara ini sebab inilah yang terbaik SPR hendak fikirkan dari sudut menegakkan ketelusan sebenarnya.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, pengiraan itu tidak akan dibuat pada hari itu?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Oh, tidak.

Tuan Loke Siew Fook: Tidak akan sampai pukul 5 petang.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kertas undi hanya akan dikira..

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Awal daripada 5 petang hari mengundi.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, tempat untuk mengira undi itu di mana? Tempat simpan dan tempat mengira di mana?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tempat mengira undi di pejabat Pegawai Pengurus.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Macam kita buat undi pos, kita kira di atas meja di setiap pegawai pengurus. Pasukan yang mengira itu pasukan yang...

Tuan Loke Siew Fook: Tempat yang akan ditentukan oleh Pegawai Pengurus.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Semua Pegawai Pengurus, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: Okey. Tempat simpannya macam mana?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Biasanya di pejabat.

Tuan Loke Siew Fook: Tempat simpan untuk peti undi itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Biasa di balai polislah.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita buat macam Bagan Pinang dahululah. Kita simpan di bilik gerakan pegawai pengurus dengan dikawal oleh polis 24 jam dan di Bagan Pinang dahulu ada orang-orang parti pun tidur di bawah itu. Tidak apa, asal dia tidak mengganggu, tidak masuk ke *building* tapi Yang Berhormat kena ingat, peti undi itu di *seal*, ditandatangani oleh ejen-ejen parti.

Tuan Loke Siew Fook: Ya, ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dibuka pada hari mengira. Sistem mengira sama juga seperti kira biasa.

Tuan Loke Siew Fook: Okey, *just final question*. Tadi sebab saya tidak berapa pasti kalau pengundian awal itu hanya sehari atau akan dibenarkan dua atau tiga hari.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak lebih daripada sehari. Bergantung kepada bilangan.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau bilangan, ini sesuatu yang...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pengundi pos, pengundi awal pun...

Tuan Loke Siew Fook: Kalau katakan 2,000 undi awal ini, adakah satu hari?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita tengok berapa saluran. Kalau kita buat banyak saluran dan boleh siap satu hari, kita buat satu hari. Akan tetapi kalau ramai, kita kena buat lebih daripada sehari.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kalau Setiawangsa misalnya, kita ada 10,000 pengundi awal. Kalau kita buka 10 saluran, satu saluran ada 700 nama, kita boleh tengok. Kalau tidak cukup satu hari, kita masuk hari yang kedua. Akan tetapi kalau setengah kem itu cuma 1,000 atau 2,000 sahaja, satu hari pun siap kalau kita buka lima saluran.

Jadi Yang Berhormat, bayangkan pengundian biasa satu saluran, 700 nama. Itulah keadaannya. Semua pegawai SPR yang bekerja, dia akan pakai baju SPR, tidak ada lagi sarjan atau sesiapa pun yang akan mengawasi. Mereka tidak akan pegang kertas undikah ataupun *envelope*, tidak ada borang 2, tidak ada *envelope*. *Everything is right before the eyes of the* ejen-ejen yang mewakili itu. Itulah yang terbaik SPR mungkin...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gombak *should be reasonable* sebab hendak angkut mereka keluar lagi semua ini pada masa kempen lagi.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, kita dalam pandangan dan syor-syor awal Jawatankuasa, kita tengok 2.5 muka surat 106 itu, 2.5 - kategori pemilih yang boleh dibenarkan pengundi awal, kita telah mencadangkan agar pengundi awal kepada doktor, jururawat dan wartawan. Status itu tidak nampak dalam perancangan SPR.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu dalam buku yang kedua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: *We want to deal with the existing one.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tuan Pengerusi, kita masih lagi bincang tentang undi pos ini. Sebab saya nampak bahawa banyak ibu-ibu negeri yang mempunyai anggota polis yang ramai yang selalunya ia lebih daripada satu hari sebab ia mengikut tugasnya. Tentera dan polis ini, dia bertugas hari itu, orang itu boleh datang, hari esok pula, orang lain yang boleh datang. Jadi, begitu bukan? Ia selalu mengambil masa satu, dua hari, baru boleh habis. Ia tidak berpandukan kepada bilangan. Kadang-kadang katalah IPD, IPK, ia ada 780 orang anggota, tidak semua boleh datang hari itu. *It may take two days for them* daripada *shift duties*. Jadi, yang saya bimbang ini masa malam pertama itu. Bila kita berhenti pengundian pukul lima, kita sudah buat keputusan, umpamanya, hendak buat dua hari. Jadi, malam itu tutup kertas itu dan simpan tong itu dulu. Esok kita masuk balik, buka balik tong itu dan masuk balik. Itukah caranya begitu?

■1645

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, ya. Maknanya, pada – kalau undi awal ini, kita tidak menyebutkan seperti juga undi pos sebelum ini, mesti satu hari. Ia bergantung kepada keadaan, kalau misalnya ada lagi, menyatakan masih ada lagi bilangan pengundi-pengundi yang belum mengundi. Ia ada keutamaan. Jadi, kita buka *the following day*. Akan tetapi *the process* menutup kotak undi, itu yang kita jaga. Oleh sebab untuk mengelakkan ada jangkaan mengatakan boleh masuk kertas undi.

Sebenarnya, kita kira berapa kertas undi yang tinggal, berapa kertas undi yang telah digunakan. Catit dan pindahkan ke borang tertentu dan kemudian agen parti pula *sign* pula dan *seal* di mulut kertas kotak undi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *The next day?*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Hari kedua...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tong barulah. Tong itu sudah tidak buka lagi Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tidak buka lagilah. Pakai tong baru.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Oleh sebab sudah *seal* semua.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *The next day* pakai tong baru.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Pakai tong baru, bagus.

Tuan Pengerusi: *Can we move on? Because* nanti 29 hari bulan. nanti kita akan *review* semula.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tong itu kita boleh bawa *seal* kita sendiri? Dibenarkan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak ada. *Seal* adalah *seal* SPR.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tidak, kita punya cop.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak adalah. SPR punya. Agen *you*...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Dahulu boleh.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak ada, sekarang...

Tuan Loke Siew Fook: *Sticker, sticker...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang ini *sealnya* pun macam – ia seperti plastik. Bukan seperti dahulu yang ada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sudah tidak ada lagi pakai...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Kalau ada cop.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau parti pun boleh bawa plastiknya?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak adalah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bukan kita tidak percaya. Ini boleh melenyapkan tuduhan-tuduhan ini sebab persepsi ini agak serius di bawa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, minta maaf ya Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat faham macam mana proses pengundian biasa. Yang Berhormat sudah lamakan? Jumlah kertas undi yang dikoyak untuk diberi kepada setiap pengundi, *counter foilnya* ada rekod. *At the end of the day*, kalau pengundian awal itu terpaksa dibuat dua hari, rekod yang *the latest*, buku ini habis berapa buku, buku ini habis berapa buku, akan *ditransfer* kepada Borang 13.

Agen parti akan *counter sign*. Jadi, kertas undi di dalam peti itu, Yang Berhormat fahamkan, tidak akan melebihi daripada jumlah *counter foil* yang itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak boleh.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Akan tetapi ada pengalaman kita Datuk, semasa di Sarawak, di mana borang 13 itu tidak mahu dibekalkan salinannya kepada wakil-wakil agen kita.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Oh, itu Borang 14 Yang Berhormat, Borang Pengiraan Undi.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Pengiraan, setelah mengira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Setelah mengira, barulah *transfer* kepada Borang 14.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maksud saya, pengalaman kita itu membolehkan juga dokumen-dokumen seperti ini tidak dibekalkan salinannya supaya kita boleh dapat melihat penyelarasan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang ini dibekalkan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak akan berlaku. Borang 14 mesti diedarkan kepada wakil calon. Borang 13 adalah borang untuk kita rekod berapa kertas undi yang dikoyak, berapa kertas undi dikeluarkan. Yang Berhormat tidak usah risualah dari segi Borang 14...

Tuan Pengerusi: Datuk dan Yang Berhormat, maaf. Sebelum ini ada aduan bahawa ada beberapa pegawai kita, *Returning Officer*, terlampau ghairah ataupun orang kita awal pulang.

Jadi, tidak ada orang dan agen. Jadi, ada yang dikatakan ia tidak dibekalkan. *So, I think you just give* taklimat dan arahan kepada semua supaya mereka mematuhi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya SPR. Mengapa ditekankan tidak boleh *seal* dari pihak parti ini. Mengapa, dari segi teknikalnya, apakah ataupun...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bukan Yang Berhormat. Kalau misalnya semua parti pun boleh membawa *seal* masing-masing, seolah-olah benda yang dibuat oleh SPR ini tidak dipercayai, seolah-olah boleh ada kertas undi lain boleh masuk. Sedangkan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kalaulah persepsi mereka ini tidak mahu percaya, itu memang hak merekalah yang berpersepsi sebegini. Apa tidak kita ini, untuk kita mengelakkan apa sahaja, kita buatlah, bukan susah sangat bagi saya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Benarkan mereka membawa *seal* masing-masing.

Tuan Pengerusi: SPR pasang *seal, usually Returning Officer, the DO*kah, dia hendak ikut pasang jugalah.

Datuk Alexander Nanta Linggi: *If it makes them happy, what is so difficult?*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, dia begini. Tidak percaya SPRkan? Asasnya tidak percayakan SPR. Bayangkan kalau ada lima orang calon bertanding. Lima-lima hendak pakai *seal*. Dia kata, saya berhak bawa *seal* saya. Parti ini berhak bawa *sealnya*. Bayangkan satu peti ada lima *seal*. Bayangkan esoknya kita hendak buka *seal* itu, orang yang berhak itu tidak hadir. Dia mungkin tidak hadir kerana dia hendak sabotaj ataupun kerana dia hendak melambatkan pengiraan. Macam-macam boleh berlaku Yang Berhormat.

Sebab itu di Sarawak ada satu parti hendak letakkan kunci dia. Kita kata tidak boleh. Dia kata kenapa tidak boleh? Apa kata kalau kamu tidak hadir esok? Macam mana kita hendak buka peti ini? Jadi, *let us thing about it, the reality, the practicality*. Boleh kita buat begitu. Akan tetapi kalau kita faham sistem pengundian, dengan rekodnya tercatat di dalam semua borang-borang itu, *diattached* dan ditandatangani oleh agen-agen masing-masing. Saya rasa tidak ada masalah.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau tidak *seal*, boleh tandatangan tidak?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, tandatangan.

Tuan Loke Siew Fook: Tandatangan atas.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, tandatangan di...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tandatangan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...atas *seal*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Boleh Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sebenarnya Yang Berhormat, di dalam kotak itu tidak ada makna sudah oleh sebab semua sudah *ditransfer* ke borang. Tidak ada. Walau ditambah kertas banyak mana pun. *The borang won't change*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau tidak *seal*, kita bawa *sticker* kita. Jadi, kalau esok tidak datang boleh koyak. Apa yang pentingnya, kita boleh *guarantee* tidak akan ada sebarang pencerobohan di atas kotak itu dalam tempoh. Sebab undi awal ini simpan sampai tiga hingga empat hari. *That you create some doubt*, simpan di balai polis. Bukan setakat kita tidak percaya pada SPR.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yalah, katalah Yang Berhormat *doubt* apa? Ada orang masuk kertas undi dalam kotak?

Tuan Pengerusi: Mahu pergi buka, dia kata.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kemungkinan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau buka, dia tidak boleh tukar borang. *Seal* koyaklah. Koyak *seal* dan...

Tuan Pengerusi: Ya, koyak *seal*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...borang yang telah ditandatangani tidak...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Borang 13.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, kalau koyak *seal* SPR, SPR boleh *seal* balik malam itu. Oleh sebab kalau ada... [Ketawa]

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak ada Yang Berhormat... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kita ini *official* sahaja boleh.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *No*, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kita ada *counter seal*...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *The form is the most important*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam ini Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *No more change*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam ini Tan Sri. Boleh tidak kita bawa kotak itu, bawa borang itu, tunjuk. Supaya *we see how it is done. I think, not many people would understand*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, kan kertas *seal* kita itu, ditandatangani oleh agen. Kalau sudah *seal* itu koyak, agen esoknya *will* pertikaikan kenapa benda ini dikoyakkan sebelum saya hadir. Untuk kita mengira kertas undi, mesti disaksikan oleh agen. Saya tidak nampak...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya hendak tanya, kalau sudah di *seal*, kalau *seal* itu terkoyak, *what happens to the box, consider invalid* semua?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ia tidak begitulah. Oleh sebab kita ada rekod Yang Berhormat. Kita ada Borang 13 sebagai asas rekod kita.

Tuan Pengerusi: Hendak tengok *tally* ataupun tidak.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jumlah kertas undi di dalam peti undi tidak melebihi jumlah yang dikeluarkan, yang telah direkodkan, telah ditandatangani oleh setiap agen, *impossible*. Kalau dia melebihi, *then* satu isu besar.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Big issue*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kalau melebihi, memang saya rasa saluran itu terbatal. Oleh sebab tidak mungkin berlaku kertas undi di dalam peti undi melebihi kaunter yang telah disahkan keluar.

Tuan Pengerusi: Mereka takut ini Tan Sri dan Datuk, dia buka, dia pergi tengok, dia ambil tiga puluh, ganti dengan tiga puluh akan tetapi pangkahnya lain. Harus tidak mungkin, bukannya?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi tandatangan agen. Agen boleh tidak mengakui, ini bukan saya punya tandatangan.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia sudah buka kotak itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dimaksudkan bilangan undi itu. Katalah kita ada 525 kertas. Borang 13 menyebut 525 kertas. Okey, *seal* semua cukup. Apa yang dibangkitkan oleh Datuk Seri, SPR buka, 525 dia keluarkan, dia masuk semua untuk satu parti sahaja melebihilah.

Tuan Pengerusi: Ambil seratuskah?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi angka 525 jugalah. Selepas itu dia *seal* balik dan esok datang tengok, wah! Sepatutnya banyak...

Tuan Pengerusi: Bukan SPRlah tetapi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bukan tandatangan di kertas itu. Kertas undi itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak, macam mana dia mahu buka peti.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Macam mana dia boleh buka kalau *seal* tidak koyak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak, ini yang dimaksudkan itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Macam mana dia hendak buka mulut kotak undi itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh tidak macam itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau dia buka...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak akan berlaku.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Semua *seals* itu akan pecah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia *seal* balik lagi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Seal* baru.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tandatangan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ha! Ini yang dimaksudkan itu. Tandatangan itu.

Tuan Pengerusi: *So, be no problem.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab itu saya kata, tolong bawa kotak dan tunjuk macam mana letak tandatangan itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Siapa faham...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Terima kasih Tan Sri beri jaminan itu. Cuma saya hendak respons sikit, Timbalan Pengerusi beritahu tadi kebimbangan kalau kita benarkan parti politik letak mangga atau kunci, *padlock* ini, esok dia tidak datang. Jadi, ia melengah-lengahkan proses undi.

Sekarang kalau kita tidak pakai *padlock*, kita pakai *signature on the labels*. Dia tidak datang *the next day*. Apa tindakan SPR? Hendak tunggu sampai dia datang ataupun *you...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Polis ada di situ. Undang-undang Pilihan Raya, kalau agen parti tidak hadir, proses pilihan raya terus berjalan. Oleh sebab anggota polis yang ada di situ akan *determine*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Boleh tidak gunakan prosedur yang sama untuk *padlock*. Kalau dia tidak datang, polis ada, buka.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Peti undi yang kita sudah buat Yang Berhormat, hanya satu lubang *padlock* sahaja. Jadi, kalau kita hendak tambah, kalau ada tiga calon, kita hendak masuk di mana?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kita bawa rantai... *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang Berhormat, saya ingat, saya fikir...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sebab itu Timbalan Pengerusi cakap begitu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak ada.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Makna, kalau ada *padlock*, macam mana dia tidak datang, macam mana dia hendak buka. Itu respons daripada Timbalan Pengerusi. *So, my point is now. Now, you* tidak pakai *padlock*, *you* pakai label. Agen tidak *appear*. *Are you telling me that you* tidak akan buka kotak itu sehingga agen datang? *You responded* mengatakan *No!* Kita ada prosedur, ada polis dan kita buka.

So, saya go back to your earlier.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Peti undi yang telah ditutup Yang Berhormat, bukan sahaja *seal* kertas akan tetapi juga *plastic seal*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Plastik itu yang...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Plastic seal* yang menggantikan *padlock*. *Plastic seal* itu dia ada *number* dan sekarang pula ada hologram. Dia akan tarik itu dan tidak akan dapat dibuka lagi melainkan digunting dengan *heavy duty* gunting baru boleh buka. Itu kita tidak pakai lagi *padlock* sekarang ini. Kita sudah pakai *that yellow heavy duty*.

Tuan Pengerusi: Ya, *one way...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *One way* itu. Itu kita pakai. Di samping itu, kita *cover* pula benda itu dengan *security stickers* yang setiap kolum itu ada tandatangan oleh wakil calon. Jadi Yang Berhormat, saya tidak nampaklah...

Tuan Pengerusi: Saya rasa kita telah *go in* terlampau *detail*. *We can always review this matter on the 29th for final feedback*. Akan tetapi *go to the responses first. Then the final details that you are concerned e mark and we can bring it up in the next meeting*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi satu sahaja. Daftar pemilih untuk pengundi awal ini, berapa awal kami boleh tahu? Di *locality* ini berapa orang, di kem ini berapa orang. *I think* parti-parti politik juga patut diberikan senarai pemilih-pemilih yang telah dikategorikan sebagai pengundi awal. *So, we know exactly* di kawasan-kawasan ini berapa orang. Boleh jaminan itu?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Once we know the date for the Dewan Rakyat ataupun DUN dibubarkan, we can act immediately*lah. Supaya dapat senarai undi awal, undi biasa, undi pos.

Tuan Pengerusi: Biasanya ada *nomination* itu *Returning Officer*, beri daftar pemilih bagi setiap calon?

Tuan Loke Siew Fook: Adakah SPR boleh bagi komitmen. Hari penamaan?

Tuan Pengerusi: Boleh awal dari itukah? Sebelum pada masa itulah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pengundi awal akan dapat lebih awal daripada itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *So*, maknanya akan dibekalkan kepada semua.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan dibekalkan kepada agen-agen parti.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tan Sri, adakah nama-nama mereka ini, katalah tentera dan polis, nama mereka ini akan membawa nama kad pengenalan biasa ataupun nama nombor tentera dan polis. Ini yang menjadi persoalan sekarang ini. Sebab kita dimaklumkan bahawa JPN telah mengeluarkan kad pengenalan kepada polis yang mana polis sekarang ini dia tidak perlu lagi membawa autoriti kad. Dia bawa autoriti kad akan tetapi dia tidak perlu menggunakan autoriti kad untuk mendaftar. Dia menggunakan kad pengenalan macam *civilian*.

■1700

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Senarai daftar pengundi awal adalah mengikut kad perkhidmatan itu. Kalau dia daftar menggunakan kad pengenalan 12 digit, maknanya dia pengundi awam. Bezanya, senarai pengundi awal ini, anggota tentera dan polis, pendaftarannya mengikut kad dia. Jadi, soal KDN sudah serah balik MyKad, itu perkara lain. Bagi kita, kita mendaftar pengundi tentera dan polis ini mengikut autoriti kad dia, mengikut kad tentera dan mengikut kad polis. Seperti mana yang mengundi pengundian biasa Yang Berhormat, agen calon akan dibekalkan dengan satu senarai setiap satu saluran itu, setiap pusat mengundi. Maka, itulah yang akan berlaku dalam sistem pengundian awal.

Kita hanya dapat menentukan senarai pengundian awal ini, saya rasa apabila Parlimen dibubarkan, kerana mengikut undang-undang, selepas Parlimen dibubarkan, daftar pemilih tidak boleh disentuh lagi. Muktamad. Maka, baru itu kita dapat tahu daripada kerjasama JRP Kementerian Pertahanan dan Bukit Aman, siapa yang pada ketika itu sudah berada di perairan, di perbatasan dan di pulau-pulau, di Lebanon, di mana-mana. Inilah yang akan berhak mengundi secara pos. Ini kerana walaupun undi awal sekali pun, mereka tidak ada di kem sebab dalam penjadualan Kementerian Pertahanan, penempatan anggota ini berterusan.

Ini kerana kita tidak tahu bila Parlimen akan dibubarkan. Mereka tidak boleh tangguh penempatan. Mereka akan terus *rotate* penempatan anggota dia. *Suddenly*, Parlimen dibubarkan, ketika itu baru pihak Kementerian Pertahanan dapat beritahu kepada SPR, *these are the people who are in the camp, these are the people* yang di mana-mana tempat operasi dan sebagainya. Masa itu kita akan *determine these are those in the camp* dan di pusat-pusat latihan, kita akan buka pusat pengundian awal.

Yang mana di kawasan penempatan operasi dan sebagainya, ini terpaksa mengundi secara pos, yang mana kita berurusan...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita faham, undi pos itu adalah dihadkan kepada orang yang menjalankan operasi. Undi awal ini yang saya maksudkan ini, yang menggunakan kad-kad pengenalan ini sebab kita diberi penerangan oleh JPN, mengatakan *in the future, police* semua akan gunakan dia punya kad pengenalan 12-digit. Dalam kad pengenalan 12-digit itu akan juga mengandungi nama perkhidmatannya. Begitu juga tentera. Oleh sebab itu, tidak lagi timbul soalan yang orang boleh mengundi dua kali.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu Yang Berhormat, tujuannya untuk kita *crisscross* dengan JPN. Sekarang ini, apabila kita hendak *check* daftar pemilih untuk polis dengan menggunakan nombor daftar polis, kita tidak ada di JPN. Jadi, susah hendak *crisscross*. Akan tetapi sekarang ini dua-dua itu sudah ada tetapi kerana dia tertakluk di bawah undi awal, nombor pendaftaran itu adalah kalau tentera, nombor tentera, kalau polis, nombor polis. Akan tetapi jika sekiranya ada, kita hendak menyemak sama ada ada *double*, orang ini ada *double registration* dan sebagainya, kita perlu *check* dengan JPN dengan menggunakan nombor yang 12-digit.

Tuan Pengerusi: Okey. Cukup jelas.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak. Saya tidak mahu apabila kita sudah bekerja susah-payah, tiba-tiba benda ini berlaku, dia timbul masalah kepada kita di Jawatankuasa ini. Kenapa tidak dibersihkan awal lagi? Ini kerana saya ada bukti, saya boleh tunjuk bukti bahawa ada orang yang nama dia sebagai tentera pun mengundi, sebagai *civilian* pun mengundi. Jadi, kalau kita keluarkan satu IC yang ada 12 digit, benda ini tidak akan berlaku. Saya takut, perkara ini selepas kita bekerja, kita ini Jawatankuasa bekerja, bersihkan sana, bersihkan sini, tiba-tiba bila datang pilihan raya, okey keluarkan senarai.

Ini undi awal, ini undi pos. Kita tahu prosedur, kita tahu undi pos ini orang yang bekerja, orang yang ada operasi apa semua, 3,824 orang. Okey, *no problem*. Yang undi awal ini, di balai-balai polis di setiap ibu negeri ini, semua ini pengundi-pengundi awal ini. Jadi tiba-tiba, ini ada orang ini dia undi awal, nama dia sini, di *civilian* nama dia juga. Ini yang kita tidak hendak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu yang saya kata tadi...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sebelum Tan Sri- Kalau boleh saya respons sedikit sebelum Tan Sri jawab. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kangar. Sepanjang tempoh pendengaran awam ini, telah banyak bukti dikemukakan secara dokumen di mana pengundi-pengundi di kalangan tentera dan polis juga telah disenaraikan sebagai pengundi awam. Bukti telah dikemukakan, itu yang pertama.

Kedua, ketika Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Yang Berbahagia Tan Sri Mahmood Adam memberikan keterangan, beliau mengesahkan bahawa PDRM telah melaksanakan kad-kad ini sudah setahun yang lalu di mana dalam kad tenteranya itu dia ada dua-dua nombor. Nombor 12-digit dan nombor tentera. Baik. Itu satu penambahbaikan.

Maka, oleh sebab itu kita mendesak supaya apabila SPR bekalkan senarai pemilih pengundi awal ini kepada parti-parti, mesti disenaraikan kedua-dua nombor supaya kita juga boleh menyemak mereka ini tidak tersenarai dalam pengundi awam. Ini juga boleh membantu SPR daripada tuduhan-tuduhan seperti ini. Mengapa SPR tidak boleh bekerjasama dengan JPN daripada sekarang.

Tuan Pengerusi: Ini soal pembersihan supaya yang bertindih itu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini sebahagian daripada proses pembersihan.

Tuan Pengerusi: Bolehkah itu dibuat secepat mungkin?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Boleh. Ini kerana untuk undi awal ini hanya kepada tentera dan kepada polis.

Tuan Pengerusi: Yes.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi juga kita bekalkan nombor 12-digit.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maknanya, dalam senarai itu ada dua nombor yang dibekalkan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey *then alright*. Itu yang kita hendak.

Tuan Pengerusi: Okey. Boleh dibuat. *Alright, thank you. Let's move on* Yang Berbahagia Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pembersihan daftar pemilih.

Tuan Pengerusi: Yes.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pembersihan daftar pemilih ini sebagaimana yang saya maklumkan sebelum ini pun, kita melakukannya setiap hari. Autoriti yang membantu kita dalam hal pembersihan ini, yang pertama sekali adalah JPN, yang kedua PDRM dan yang ketiga JRP MINDEF. Tiga agensi ini. Akan tetapi *the authoritynya* adalah JPN. Jadi, baru-baru ini pihak SPR telah pun menghantar semula semua senarai nama pemilih yang ada di SPR itu di JPN yang berjumlah dekat 12 juta orang. Telah disemak, diselidik oleh JPN dan telah dipulangkan balik yang bersih. Maknanya, yang sebelum ini ada *double*, dibersihkan, yang sebelum ini ada yang meninggal dunia ini ada dalam, dibersihkan, yang sebelum ini...

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Tan Sri, sampai tarikh bila itu, yang terkini?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: November. Akan tetapi apabila proses pembersihan ini dibuat secara menyeluruh seperti itu, ada 42,000 orang yang tidak dapat pihak JPN hendak *verify*. Tidak tahu macam mana hendak buat dengan jumlah itu. Untuk tujuan itu, nama-nama berkenaan dengan nombor ICnya dipamerkan sehingga akhir tahun ini dan telah pun dimaklumkan kepada wakil rakyat dan sebagainya untuk membantu. Kalau misalnya masih tidak dapat dipastikan, nama-nama itu akan *delete*.

Tuan Pengerusi: Sebelum ini kita telah minta supaya nama-nama itu seperti di negeri Sabah, *split them by* kawasan Parlimen dan beri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan DO.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sudah dibuat dan sudah dihantar.

Tuan Pengerusi: Minta kawasan saya, belum lagi. Kota Marudu. Ahli-ahli Jawatankuasa, berilah bekalan nombor satu dahulu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Telah kita kemukakan ke PPN masing-masing untuk diberi kepada Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi: Ya. Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ada satu perkara Tuan Pengerusi. Yang Berbahagia Tan Sri, kalau saya minta penjelasan sedikit. Yang Berbahagia Tan Sri mengatakan dalam proses pembersihan daftar pemilih ini, SPR bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesahkan seperti proses yang baru lalu.

Akan tetapi ada beberapa bidang yang memang di bawah bidang kuasa SPR yang juga boleh memberi kesan kepada daftar pemilih. Sebagai contoh, pagi tadi dibuktikan di mana proses belah bahagian ini yang dilakukan oleh SPR tanpa campur tangan daripada JPN. Kita bawa contoh tahun 2004 di negeri Selangor, timbul satu keadaan yang agak kecoh apabila dipindahkan tanpa maklumat kepada pengundi, maka ia menyebabkan SPR terpaksa menangguhkan dan melanjutkan satu jam di saat-saat akhir. Kita tidak mahu perkara ini berulang.

Walaupun wakil SPR jawab, memberi jaminan perkara ini tidak akan berlaku tetapi pagi tadi kita buktikan di negeri Selangor sahaja, beberapa ribu pengundi telah pun dipindahkan daripada satu DUN ke satu DUN yang bercanggah dengan peruntukan yang sedia ada. Kita telah buktikan, daripada Sepang ke satu kawasan lain, Kota Damansara pergi ke Bukit Lanjan. Ini berlaku. Ia bercanggah dengan peruntukan yang sedia ada. Bermakna, kalau perpindahan lokaliti itu hanya boleh berlaku dalam bahagian pilihan raya yang berkenaan, dia tidak boleh melampaui.

Akan tetapi pagi tadi, kita telah mengesahkan. Bagi saya, ini juga ada kesan kepada pendaftar pemilih yang dianggap bersih. Ini kerana kalau tidak, ia akan menimbulkan lagi kekecohan. Tuan Pengerusi pagi tadi mencadangkan supaya apa juga pindaan terhadap lokaliti ini tidak boleh dibuat saat-saat akhir. Sekurang-kurangnya setahun sebelum pilihan raya umum. Itu yang pertama.

Kedua, ketika Yang Berbahagia Tan Sri hadir dalam perbincangan peringkat awal dahulu, saya ada bangkitkan tentang lokaliti yang digabungkan ini. Saya beri contoh, di kawasan saya dan pegawai SPR menjawab, oleh sebab mereka dalam proses menambah baik melalui ICT dan program ini, menyebabkan mereka gabungkan, khususnya lokaliti-lokaliti yang kecil. Akan tetapi sebenarnya, ia menimbulkan kerumitan yang luar biasa. Saya beri contoh, seperti ada 23 blok di Keramat Pangsa, *suddenly you* gabungkan semua nombor satu Keramat Pangsa. Sedangkan kita tidak tahu Blok 1, Blok 2, Blok 3. Yang Berbahagia Tan Sri memberi jaminan hari itu akan membawa perkara ini semula kepada Lembaga supaya kembali semula ke sistem asal. Maknanya, bila dikemukakan daftar pemilih kepada parti-parti, ia mesti memberikan alamat yang lengkap dengan lokaliti yang lengkap, blok mana, unit mana. Apakah perkara ini telah dibincangkan di peringkat SPR, Yang Berbahagia Tan Sri?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya jawab yang pertama dahulu Yang Berhormat.

SPR telah membuat keputusan supaya pembetulan kedudukan daftar pemilih-pemilih ini, pengundi-pengundi ini, jika melibatkan pertukaran kepada DUN yang lain, ia tidak akan dilakukan sekarang. Akan tetapi jika ia melibatkan dalam daerah mengundi yang sama, DUN yang sama, cuma bertukar pusat mengundi, itu dibolehkan.

Akan tetapi bagaimana berlaku yang Yang Berhormat kata tadi, daripada Sepang pindah DUN yang lain dengan cara belah bahagi, saya ingin menyasatnya.

Tuan Pengerusi: Salah komputerkah?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya ingin menyasatnya, bagaimana ia berlaku.

Tuan Pengerusi: Ada yang dibuktikan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau dapat nama itu. Tentang yang kedua tadi Yang Berhormat iaitu tentang *merge* itu, kalau boleh Pengurus ICT memberi penerangan sedikit.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ini Pengurus ICT.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) SPR]: Nama saya Kamaruddin bin Haji Keling, Pengarah ICT Suruhanjaya Pilihan Raya. Sebagaimana yang saya jawab dahulu, SPR dalam proses untuk membangunkan peta lokaliti seluruh negara yang merupakan asas kepada pembentukan daerah mengundi DUN dan juga Parlimen. Jadi, masa kita membuat pemetaan itu, bagi blok-blok ini memang susah untuk dipetakan. Berasaskan asas apa hendak peta blok ini? Kita di Semenanjung, kita buat peta, kita berasaskan peta kadaster Jabatan Ukur.

Jadi, dalam satu kawasan blok itu, mungkin satu lot sahaja. Jadi, Yang Berhormat punya masalah tadi hendak cari orang tidak dapat, hendak cari orang tidak jumpa. Kita sudah gabung, jadi tidak jumpa dia di blok mana. Jadi, SPR sudah ambil tindakan, di mana medan nombor rumah itu dibesarkan. Dahulu kita letak nombor rumah sahaja, sekarang kita *extend field* itu kepada 15 atau 20 karekter supaya bila diisi nombor rumah, blok, ia ada nombor rumah, blok, tingkat apa, muat untuk semua itu. Itu satu langkah.

■1715

Kedua, SPR sudah buat keputusan di mana rang-rang akan dibekalkan dengan alamat lengkap pemilih. Jadi, memang boleh carilah orang itu, jadi kita ada bekal itu. Walaupun dalam daftar pemilih kita tak diwajibkan bekalkan alamat tetapi SPR dah buat keputusan kita bekalkan dalam CD sebab kalau kita nak *print* alamat itu dia 60 *character*, tak muat A4 *size* ini. Jadi, kita bagi dalam CD, jadi CD boleh *print*lah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maknanya, sekarang ini SPR akan bekalkan CD daftar pemilih dengan alamat yang penuh.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling: Ya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Pengarah ICT kena rujuk dengan Pengerusi itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Maknanya Yang Berhormat, di situ ada nombor dia, blok mana, tingkat mana.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ada?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ada.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling: Dalam nombor rumah saja dia dah ada. Kata dia nombor 20, tingkat berapa, blok berapa? Sebab sistem penomboran rumah pangsa macam itu.

Tuan Pengerusi: Tapi itu dalam daftar pemilih yang standard sekarang itu tak keluar.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tak keluar.

Tuan Pengerusi: Dia hanya katakan, jalan ini begitu-begitu atau kampung ini begini-begini. Senaraikan semua itu tak ada.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bila boleh dapat itu, sebab setakat hari ini tak ada.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling: Memang kita dah maklumkan kepada parti. Apabila kita nak pameran rang, kita bagi tahu, okey ibu pejabat...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu pameran rang. Ini *very misleading*. Pameran rang itu satu perkara yang berbeza. Kita nak daftar pemilih induk mesti memiliki alamat yang penuh.

Tuan Pengerusi: Untuk tujuan pengundian.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yang kita dah bincang panjang dulu.

Tuan Pengerusi: *Don't tell me* dalam tujuan pengundian dia dengan alamat. Biasanya tidak.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling: Tidak. Dalam yang lepas-lepas pun kita tak bagi alamat.

Tuan Pengerusi: Yalah.

Encik Kamaruddin bin Haji Keling: Kita cuma bagi dia no. IC, nama, tahun lahir, jantina lepas itu *locality*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Okey, tak apalah, itu yang lepas. Tujuan ini nak menambahbaikkan, sudah tak timbul masa lalu. Kita cadangkan hari itu dan SPR cadang nak bawa kepada Lembaga, daftar pemilih selepas ini mesti dibekalkan dengan alamat penuh. Daftar pemilih induk, bukan rang.

Tuan Pengerusi: Tapi itu di dalam *database*, tapi dalam senarai yang kena mengundi?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sekarang ini dia nak bagi.

Tuan Pengerusi: Kalau semua ada alamat itu, bertimbun itu, berapa kilo itu?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Seperti juga rang, untuk induk ini pun kita akan beri dengan CD untuk alamatnya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maknanya, daftar pemilih induk dengan alamat penuh dalam bentuk CD? Okey. Satu lagi, kita kena bayar RM48,000. Tolonglah, mahal.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang Berhormat, yang ini bukannya ditetapkan oleh SPR, yang ini ditetapkan oleh *Manistry of Finance*. Dia mengatakan satu muka surat berapa sen dan sebagainya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Satu muka surat berapa sen, kalau CD?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Pardon?*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau CD.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau CD tak adalah muka surat.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ha, yalah, murahlah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak, CD.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Hanya 80 sen sahaja CD.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang ini, kalau ikut peraturan sekarang, sama ada Yang Berhormat beli *hardcopy* ke, CD ke, harga serupa, tambah RM10.

Tuan Pengerusi: Kira lambak juga?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tapi alasan tadi, *Treasury* menetapkan satu muka surat berapa ringgit, zaman teknologi ini pakai CD.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *But*, kita bukan pandang CD itu, value data yang dalam itu, yang kita dok kumpul selama ini, memang kos sebanyak itu.

Tuan Pengerusi: Itulah yang menghalang itu Tan Sri, sebab CD itu

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tapi bukankah itu adalah peranan dan tanggungjawab SPR untuk menyiapkan satu data yang baik dan lengkap?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita akan bawa benda ini dalam rujukan SPR.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ha, okey, okey.

Tuan Pengerusi: Yang tadi itu Tan Sri, belum kena jawab. Bagaimana satu PPU itu, pusat pengundian boleh keluar dari satu DUN itu?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu yang saya kata tadi Yang Berhormat, itu dalam belah bahagi. Biasanya, kalau yang begitu caranya, dia mesti memohon, orang berkenaan mesti mengisi borang A, memohon untuk pindah tapi bagaimana ia terjadi begitu dalam proses belah bahagi yang saya nak tahu.

Tuan Pengerusi: Itu yang merungut pagi tadi itu, perlu dikajilah. Ada, ada masuk dah. Ada dua pusat dia keluar. Bagus telitikan. Okey.

Tuan Loke Siew Fook: Isu lain.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tahun 2010?

Tuan Pengerusi: Saya mahu tutup dulu. Nanti tolong telitikan ya Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Satu lagi, itulah kita katakan pembersihan ini hendaklah berterusan dengan ICT-ICT, teknologi yang canggih dan saya tahu ini, ia masuk dalam laporan yang tidak diterima ataupun tidak diperakui sekarang. Pentingnya bagaimana Jawatankuasa mencadangkan pada waktu itu, satu badan *independent* milik kerajaan juga iaitu MIMOS sebab yang dikatakan bahawa tidak payah tetapi Tan Sri, apabila tadi pagi dikeluarkan CD lagi, yang nama bertindih dan seterusnya. Amat penting bahawa JPN punya *database* dan SPR *database* ini boleh bercakap dan apa-apa perubahan boleh ditransfer seterusnya. Ini sebab kalau kita katakan tak payahlah itu, ini kita boleh buat sendiri tapi masih lagi *error* yang asas terjadi.

Keyakinan orang ramai kepada *database* itu menurun menjunam dan itulah tujuan itu kita katakan MIMOS bantu, *just among the three with all the systems, ICT yang terancang and you can do it in SPR, you can do it in JPN, just to help clean up some of the unnecessary things that make us lack of confidence in the database* bagi pihak awam. So, itulah saya katakan, perlu terbuka dalam perkara ini *and we are not calling outside, we are calling a government institute to look at it. So, my* Jawatankuasa- tapi saya melihat dalam ulasan,...

Tuan Loke Siew Fook: Dalam buku kedua.

Tuan Pengerusi: Dalam buku kedua katakan, tidak perlu kerana timbalan pengerusi pun cakap *newspaper* tidak perlu. So, orang katakan, *you can do it*. Akan tetapi itu juga itu. Itu *very basic thing* pun ada di situ dan ia tidak memberi keyakinan, penghormatan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya bukan tidak mempercayai MIMOS, ramai kawan-kawan saya di situ Yang Berhormat. Akan tetapi maksud saya ini, MIMOS akan buat macam mana?

Tuan Pengerusi: Ya, ya boleh dua ini.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pertama sekali, dia akan tengok data JPN. Maknanya, sama jugalah sebagaimana yang dibuat oleh SPR dengan JPN, kemudian dia pun bertanya pula kepada SPR. Akan tetapi kalau ada macam satu *special*, saya tak tahulah, daripada MIMOS boleh dapat membantu, misalnya dalam hal 42,000 ini yang kita tak tahu apa nak buat dan ada *expertise* di MIMOS boleh dapat alamatnya, boleh dapat- *That I do not know* Yang Berhormat, bukan saya memperkecilkan mereka, tidak. Akan tetapi saya rasa macam dia akan buat benda yang sama.

Tuan Pengerusi: Tapi duduk dulu bersama dan tengok. Kalau tak ada *roles* sama sekali, tidak payahlah. Akan tetapi *make sure you have a role, because I can-* Pagi ini sahaja mereka katakan, *I have 2,000 duplicates, my own* kawasan pun ada 66 orang yang 120 tahun umur. So, *very hard for me sometimes to defend the electoral role my friend, this is fewer and* selamat. Akan tetapi kalau *errors* macam itu masih ada, keraguanlah, macam-macam timbul. Itu sahajalah kami mahu bagi tahu daripada segi Jawatankuasa.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bincang dengan...

Tuan Pengerusi: Okey, walaupun di dalam kertas kedua.

Seorang Ahli: Yang Berhormat, minta...

Tuan Pengerusi: Ya boleh, boleh.

Seorang Ahli: Jangan hilang kerusi ya... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Dia bilang dia syok... Okey Tan Sri, sila maju.

Datuk Abdul Wahab bin Abdullah [Pengerusi MIMOS]: Yang Berhormat-

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ini MIMOS.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Datuk Abdul Wahab bin Abdullah: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *actually our job is-* kita hanya sedia membantu pihak SPR.

Tuan Pengerusi: Yalah, ya. *Just to sit down with them.*

Datuk Abdul Wahab bin Abdullah: *Just membantu.*

Tuan Pengerusi: Ya, *just sit down with them. If they say they don't need you after looking at the symptoms, fair enoughlah.* Okey. Ya, *just be open.*

Tuan Loke Siew Fook: *Just follow up on that Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook: Saya rasa ini dibincangkan dalam Jawatankuasa Kecil yang dipengerusikan oleh Datuk Ongkili bersama dengan saya. Kita ada perkara-perkara khusus. Tujuan kita nak *brought in* MIMOS ialah supaya ini kepada orang ramai ada sebuah *independent panel* bukannya SPR sendiri audit sendiri. Jadi, ada *auditor* luar untuk audit *database* itu. Itu yang pertamanya, tujuan utama mengapa kita nak MIMOS. Kalau lantik syarikat luar, kata mungkin, ini akan menyebabkan keselamatan *database* itu akan terjejas tetapi ini adalah agensi dalam kerajaan sendiri, itu yang pertama. Yang keduanya, dalam syor kita, kita telah letakkan secara spesifik isu-isu yang kita nak MIMOS *check*. Bina satu *software* ataupun buat satu *programming* untuk *check* benda-benda yang spesifik.

Ada enam di sini, yang pertama dua orang pemilih dengan satu kad pengenalan yang sama. Pengundi yang telah meninggal dunia tetapi masih berada dalam daftar pemilih, pengundi yang berumur 90 tahun dan ke atas. Pemilih bukan warga tempatan, ramai pemilih dalam satu alamat dan pengundi hilang kelayakan. Ada spesifik, benda-benda spesifik. Itu sebabnya kita nak melibatkan MIMOS. So, saya harap ini dapat dipercepatkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bolehlah. Kita kata tadi kita boleh bincang. Sebenarnya yang kita semak pun itu juga.

Tuan Pengerusi: Yang, ya itu tapi *just to trap some of those double entries* dan begitu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tak ada masalah, tak apa.

Tuan Pengerusi: Okey, tajuk seterusnya, sila.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Okey, yang keempat ya. Berkenaan pameran Rang Daftar Pemilih tambahan, ditambah 14 hari. Boleh ya?

Tuan Loke Siew Fook: Ada, ada. Ada isu ya. Saya terima kasihlah. Ini yang pertamanya, kita mengalu-alukan syor ini diterima tetapi dalam syor ini, dalam syor khusus ini, ada dua lagi saya rasa tidak diterima sebab tak ada di sini. Yang pertama, kadar fi RM10 kita minta dibatalkan.

Tuan Pengerusi: ya, dia ulas dalam kertas kedua.

Tuan Loke Siew Fook: Yang kedua ialah had maksimum.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya asingkan, yang diterima yang ini.

Tuan Pengerusi: Ada kertas satu lagi nanti, yang dia tidak terima dan kenapa. Okeylah, nanti kita ambil.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Jadi, berkenaan dengan pindaan tempoh ini pindaan kepada peraturan akan dibuat. Yang kelima, ketelusan proses mengundi.

Mengenal pasti pengundi yang hadir, ini pun kita terima. Maknanya, ejen parti itu dia duduk berhadapan dengan pintu tempat pengundi itu masuk, bukan mengiring.

Tuan Pengerusi: Dia tak suka tengok punggung dari belakang.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang ini dah mengiring. Yang kedua, mereka yang dipercayai oleh OKU. Itu pun kita bersetuju, dengan syarat dia berumur 21 tahun.

Tuan Pengerusi: Pindaan peraturan boleh buat dalam tempoh satu bulan, boleh? Peraturan ini.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: 29 hari bulan kita akan bentang, 29 hari bulan yang *detailnya*.

Tuan Pengerusi: Pada 29 hari bulan? Okey, okey.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kemudian, penambahan baik proses pencalonan, pemansuhan proses bantahan pencalonan dan juga pemansuhan tempoh penarikan balik pencalonan. Ini kita bersetuju tetapi yang itu penasihat undang-undang saya kata, dia nak juga kaji yang Perkara 48, Perlembagaan Persekutuan itu, yang di situ disebut 'kehilangan kelayakan menjadi Ahli Parlimen'. Maknanya, RO atau Pegawai Pengurus akan berkuasalah untuk menyemak ini, bukan menunggu bantahan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pengukuhan SPR ini...

Tuan Pengerusi: Maknanya, itu tetap masuk punya, ini tetap masuk punya. Tambah jawatan, tambah peruntukan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tapi cuma disebut di situ, di muka surat 7, kita ada juga menyebutkan tentang *political financing* dan *funding* itu. Sekarang ini dia cuma *submit report* sahaja, tak ada *examine anything*. Jadi, mungkin kita nak memperkemas perkara itu. Mungkin dia punya jumlah itu mungkin dipertingkatkan kerana pada masa ini satu Parlimen 200,000 mungkin terlalu kecil yang telah ditetapkan begitu lama dulu.

Tuan Pengerusi: Pagi tadi kami bincang panjang lebar ini. *I think* masuk senarai, *can let them justify, but I think* bahagian jawatankuasa alternatif ini, mereka akan kaji lebih dalamlah. Isu *political funding, all these* yang pagi tadi kita bincangkan, boleh masukkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Berapa yang patut kita naikkan. RM500,000 *for Parliament?* Dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: *When we come back to you on 29th.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Quantum*, kalau tidak esok, kita *examine*, semuanya berbelanja lebih, susah juga.

Tuan Pengerusi: Dia kata yang tidak pandai *arithmetic* pun boleh kira lebih daripada itu dia orang pakai. *So, 29th* nanti *we will get more detail*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang lain daripada itu, tentang pengukuhan SPR itu, berkaitan dengan penambahan sumber manusialah.

Tuan Pengerusi: Mengenai ini, saya telah minta kalau untuk membantu SPR, kalau dilaksanakan, apa tambahan atau keadaan kewangan untuk yang akan datang. *Then, we can quickly put a support to you through...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: 29 nanti, 29 hari bulan.

Tuan Pengerusi: Okey, *we can put*. Okey, yang tak diperakui setakat ini. Tiada?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang tidak dapat dilaksanakan ya.

Tuan Pengerusi: Untuk pilihan raya akan datang?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Bukan selama-lamanya tak boleh?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bukan.

Tuan Pengerusi: Oh, okey.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tengok dululah. Pertamanya, berkenaan dengan doktor, jururawat dan wartawan. Untuk pilihan raya akan datang, kita tidak dapat untuk memasukkan ini sebagai pengundi awal. Konsep pengundi awal ini, ia mengikut di mana alamat dia. Jadi, kita nak sediakan kotak undi yang begitu banyak untuk memenuhi kehendak ini. Akan tetapi kita bersetuju supaya doktor, jururawat dan wartawan yang tidak boleh keluar mengundi pada hari mengundi itu, setelah kita berbincang dengan majikan mereka dengan membolehkan mereka ini memohon untuk menjadi pengundi pos *instead of* pengundi awal.

■1730

Tuan Mohamed Azmin Ali: Prinsip kita dahulu ialah untuk mengurangkan undi pos, maka kita wujudkan undi awal. *Now we are going back to the same problem, we are creating more categories for undi pos.* Yang ini akan terdedah kepada tohmahan dan dakwaan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *So*, sebagai pengundi biasa sahajalah?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ya, lebih baik pengundi biasa.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sebab apa Yang Berhormat, untuk menyediakan ini bukan satu perkara yang senang. Ia duduk di pelbagai tempat. Dia bukan satu tempat tentera dan polis. *From various...*

Tuan Pengerusi: *So, it may not be very practical for election.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Back to undi biasa*, kalau Tan Sri *create* kategori baru dan undi pos, *you back to square one.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi yang dahulu itu kita *referring* kepada tentera dan polis, kononnya *senior officers* sahaja yang- tetapi *this one is individual.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia bertugas...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dihantar ke rumah, tidak ada sesiapa yang *direct her or him.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya tambah sedikit. Apabila SPR menerima keputusan cadangan oleh Parlimen iaitu untuk memasukkan doktor, jururawat dan wartawan, kita melihat opsi sama ada hendak membenarkan mereka ini, memberikan *opportunity* mereka ini secara mengundi awal atau mengundi pos. Hakikatnya, di negara kita ini Tuan Pengerusi, apabila jatuh hari mengundi, memang ada doktor, jururawat dan wartawan yang tidak boleh mengundi. Kerana mereka bertugas sama ada di ICU, bilik operasi, bilik pembedahan atau macam-macam. Wartawan pun sudah memang *bosses* dia kata pergi ke tempat lain, memang hilang hak mengundi. Apabila Parlimen bersetuju menerima cadangan itu, memanglah baik untuk memberi hak kepada mereka yang berdaftar, yang mana tidak dapat menjalankan hak pada hari mengundi. Apabila SPR terima cadangan itu, SPR berbincang, macam mana kita hendak membuat proses ini supaya dia ini senang kita hendak laksanakan. Jadi, kalau kita laksanakan pengundian awal, bermakna kita kumpulkan mereka ini di seluruh negara, setiap negeri ada yang bertugas pada hari mengundi.

Sebab itu dalam ini, SPR kena bertemu dengan Kementerian Kesihatan untuk melihat satu modus operandi bagaimana kita dapat senarai orang yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi. Apabila SPR menetapkan tarikh pilihan raya, dia dah tahu dia tidak boleh mengundi sebab jadual dia sudah ada. Jadi, kita hendak gunakan sistem pengundian awal tetapi masalahnya doktor ini ada yang mendaftar di Terengganu sebagai pengundi misalnya, bekerja di IJN. Ada yang mendaftar di Ipoh, ada yang mendaftar merata-rata. Begitu juga di HKL dan mana-mana. Kita ada 222 bahagian Parlimen, 576 bahagian DUN. Bayangkanlah kalau kita kena buat doket ini, masa pengundian awal ini, hendak masuk dalam peti DUN mana, peti Parlimen mana, sebab mereka ini berkumpul di satu bandar. Mereka bertugas, jadi kita fikirkan untuk memberikan mereka hak mengundi. Apa kata kalau kita beri hak dia melalui pengundian pos iaitu semua kita dan parti politik sudah tahu, senarai itu sudah kita isytiharkan. Inilah yang telah diisytiharkan oleh jabatan mereka di mana mereka tidak boleh mengundi.

Kita keluarkan dokumen undi pos dengan *envelop*, dengan Borang 2 sekali kepada mereka. Akan tetapi kalau hari ini Jawatankuasa berpandangan yang itu menambah lagi jumlah undi pos itu merupakan satu keputusan yang tidak baik, maka kita pun balik kepada asal iaitu mereka walaupun tidak boleh mengundi, mereka cari ruang jugalah untuk mengundi pada hari mengundi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Maksudkan undi awal untuk doktor dan jururawat ini, kita terbayang dalam kepala kami semua, macam balai polislah. Bermakna, hospital itu, dia mengundi di situ. Itu yang dimaksudkan, kita maksudkan begitulah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tentera dan polis ini *address* mereka itu Yang Berhormat, tidak sama tempat mereka bekerja.

Tuan Pengerusi: Mereka ini mengundi berdaftar di kawasan yang mereka telah...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pengundi biasa, doktor, jururawat dan wartawan, mengundi di tempat dia mendaftar. Mengundi di Kedah, daftar di Kedah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini yang dimaksudkan apabila kami cadangkan. Kalau tidak boleh buat, saya ingat balik kepada asal.

Tuan Pengerusi: Bagaimana pandangan yang lain?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita tidak hendak menambah bilangan undi pos. Sebab itu akan menimbulkan banyak kontroversi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi hak mereka, kita memang patut terima hakikat, memang kategori ini selalu *complain* kepada SPR.

Tuan Pengerusi: *Journalist.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Journalist especially*, dia tidak boleh mengundi pada hari itu.

Tuan Pengerusi: *At that day, they are dispersed everywhere. Had to put a 'pengundi awal' system.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia pun bukan diganggu oleh *senior* dia. Mungkin daripada rumah, dia terima kertas undi, dia hantar, dia mengundi. Jadi, Parlimen ada RO punya nama, dia pos.

Tuan Pengerusi: *So, maybe* sebagai langkah pertama, *at least* ada *avenue* untuk mereka mengundi melalui pos. *Next step, will be* bagaimana hendak *aggregate* mereka ini satu tempat yang mana saat ini sukar, kecuali hospital tenterakah, *more or less*, mereka barangkali satu kumpulan besar. Akan tetapi kalau sikit sana, sikit sana, sepuluh sana, lima sana...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Borang seorang tiga.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mana negara yang sebagai contohlah, yang membenarkan doktor, jururawat dan pemberita-pemberita ini mengundi secara pos ataupun pengundi awal. Ada tidak contoh-contohnya?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ada Yang Berhormat, Tuan Pengerusi iaitu negara yang mengamalkan sistem *Proportionate Representation*, yang tidak mengundi mengikut *district representation*. Kita...

Tuan Pengerusi: Mana-mana pun boleh.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia mengikut parti. Macam Kazakhstan misalnya. Doktorkah, jururawatkah, dia mengundi. Akan tetapi dia mengundi— *at the end of the day, the percentage of popular votes will determine the seats*. Jadi, kita *district representation*, rakyat mendaftar mengikut kawasan dia.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, kalau dalam satu hospital itu ada sepuluh doktor yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi. Sepuluh itu datang daripada konstitusi yang berbeza, bayanglah kalau seluruh negara Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *So*, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelah kiri, undi pos sebagai interim.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Status quolah.*

Tuan Pengerusi: *You want to status quo? I remember that lady in Parlimen itu, satu lady, satu ibu itu.*

Dia ada satu sahaja yang saya boleh ingat, apa yang dia cakap itu, dia marah-marah, beri hak semua, beri bebas. Itu *nurse*, itu hospital dia bilang bertugas, dia tidak boleh mengundi, waktu itukan dia cakap itu. *So, one way is of course for them to register as a pengundi poslah and they can post it at anytime. At least, they are not going to miss out* dalam jadual kerana dia bertugas pada waktu itu tetapi saya minta pandangan yang sebaik-baiknya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *I think* Tuan Pengerusi, kita kena *be practical also*. Kalau lah nombornya tidak berapa besar, *I think they have to be* undi pos. Kalau tidak, *the cost can be also very prohibitive*.

Tuan Pengerusi: *Just open it up...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Very small* Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: *That's why I just...*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Wee Choo Keong: Rasanya kita jangan nafikan hak mereka untuk mengundi.

Tuan Loke Siew Fook: Pandangan saya ialah- untuk kebimbangan saya ialah cara untuk mereka mendaftarkan. Okey, yang pertamanya. Katakan wartawan, jururawat dan doktor. Yang pertamanya, *verified*. Verifikasi itu, bagaimana mereka mendaftarkan, itu yang pertama. Selepas itu, kalau macam ada orang mendaftar, katakan sebagai jururawat dan dihantar ke mana, undi pos itu akan dihantar ke mana? Bagaimana dia hantar balik kepada pegawai pengurus. Itu pun banyak melibatkan banyak logistik juga, pasal isu logistik. Sebab *it is not so straight forward as we like to think*, sebab kalau undi pos untuk kategori ini, ia lain dengan undi pos dengan tentera dan polis. Tentera dan polis, ia berpusat.

Kalau katakan ini jururawat, dia tidak boleh buang undi pos itu dalam hospital. Kalau wartawan, *I mean*, merata-rata tempat. Jadi, bagaimana logistik untuk hantar undi pos itu kepada dia dan untuk beliau hantar balik undi pos itu. Mana dia buang undi pos itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Apabila dia kata undi pos itu Yang Berhormat, yang pertama sekali mereka boleh memohonlah. Memohon untuk pertimbangan SPR.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi untuk *verification*. Ada juga isu verifikasi terhadap status beliau.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab dia itu *reporter*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu kita kena dapatlah surat daripada majikan yang mengatakan dia *reporter*.

Tuan Loke Siew Fook: Ini pun menimbulkan isu juga sama ada dia dapat sah atau tidak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu susahlah Yang Berhormat. Memang, maknanya...

Tuan Wee Choo Keong: *We have to be practical*.

Tuan Loke Siew Fook: *Practical. We have to be practical* tetapi ini masalah praktikal.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *Nurses*.

Tuan Pengerusi: Okey, *nurses, the doctor will have to cop*.

Tuan Loke Siew Fook: Kecuali kata ada senarai.

Tuan Pengerusi: *Standard form*lah. Ada *standard form*?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita kena sediakan format tertentu yang mengatakan pada tempoh itu, dia bertugas. Bukan semua *nurse* bertugas tidak boleh keluar mengundi. Hanya sebahagian kecil. Mesti disahkan oleh jabatan.

Tuan Pengerusi: Sahkan oleh jabatan atau doktor. *May we just open it up?*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Then* kita ambil *addressnya, the mailing address. Then envelope* yang patut dia pulangkan itu, *envelope addressed* kepada RO.

Tuan Pengerusi: SPR, *returning officer* kepada *district* itukan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Straight* kepada kita.

Tuan Pengerusi: Kepada *polling centre* itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sama ada dia hantar *by* poskah ataupun dia hantar sendirikah, itu...

Tuan Pengerusi: *Maybe* saya cadangkan kepada Yang Berhormatlah, barangkali *just open the tab*, tengok berapa orang yang gunakan kalau dibenarkan untuk undi pos. Daripada dia semua sekali tidak hendak hadir, kita tengok nanti *proposition* yang mengambil peluang itu. Akan datang, SPR akan boleh *review* baliklah kalau ini praktikal atau tidak. *At least*, saya nampak doktor-doktor mengadakan sambutan yang senang hati kerana ada peluang. Hanya *mechanics* itu, dia orang belum tahu bahawa sukar. Akan tetapi kalau ada peluang untuk undi pos, memandangkan hendak sediakan untuk output pengundian awal ini *literally impossible. At least*, ada *avenue* bagi mereka yang memohon menjadi pengundi pos. Bolehkah kita? *Otherwise*, dia ada opsyen 'B', buka itu dan kekalkan seperti biasa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya. Tidak mengapa, saya *chip in* sedikit...

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: ...Untuk maklumat kepada Jawatankuasa. Memang satu keputusan yang baik dari segi hak dan dari segi popular *support* apabila keputusan ini dikeluarkan. Mengambil kaedah di Australia, apabila pengundi pos itu dia memohon kepada *election commission* untuk mengundi secara pos. Kita senaraikan dia, kita sudah terima permohonan dia itu, dia diberitahu yang dia telah mengundi secara pos dan nama dalam pengundian awam, senarai awam, dipotong. Jadi, kita beritahu, kita sudah fikir modus operandi perkara ini.

Sila tuan datang ke Pejabat SPR Selangor untuk mengambil kertas undi tuan, *envelope* kertas undi tuan. Itu hak dia. Jadi, dia sudah tahu hari mengundi awam dia tidak boleh mengundi sebab nama dia sudah dipotong oleh sistem SPR. Jadi, kertas undi, *envelope* dia akan berada di mana-mana pejabat pilihan raya negeri yang dia telah disenaraikan, tempat Parlimen tempat yang di alamat dia itu. Dia akan ambil *envelope* itu, saya beri kaedah Australia. Dia pergi *envelope* itu dan dia akan mengundi, dia masuk pos ataupun dia hendak hantar sendiri di Pejabat RO SPR di mana di situ ada peti undi yang sedia terbuka, macam kita terima undi pos sekarang inikan ataupun dia hendak pos, itu hak dia.

But, the fact that kertas undi, dengan *envelope*, dengan *everything*, dia sudah terima. Saksi Borang 2 itu, isteri dia boleh jadi saksi. Sebenarnya, SPR sudah fikir secara dalamnya modus operandi ini, macam hendak menjawab Yang Berhormat Rasah punya pertanyaan, macam mana hendak verifikasi–benarkah dia ini wartawan bertugas pada hari itu. *Of course, we have to* bergantung kepada pengesahan jabatan, bos dia. Kalau bos dia tahu dia diarahkan membuat liputan di luar daripada kawasan dia mengundi, *we got to accept it*lah. Akan tetapi yang pentingnya, nama dia dalam senarai awam dipotong.

The possibility of him mengundi dua kali tidak timbul. Itu kita sudah fikir tetapi kalau Jawatankuasa berpandangan balik kepada *status quo*, tidak mengapa, tidak ada masalah. SPR apabila sudah Parlimen buat keputusan, kita fikirkan macam mana kita hendak laksanakan. *That's why* kita maklum di sini, perinciannya itu. Kalau Jawatankuasa berpandangan mungkin meragukan atau merumitkan, itu tidak mengapa. Itu terserah kepada Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat, 29 hari bulan. *Will visit* lagi. Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Satu lagi saya hendak tambah. Persoalan *verification of media staff* ini pun, dalam amalan sekarang pun ada sedikit masalah. Sebagai contoh Yang Berhormat Tan Sri, dalam banyak program rasmi kerajaan, hanya wartawan-wartawan tertentu sahaja yang dibenarkan, diberikan kad wartawan, kad rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Penerangan. Wartawan, contoh daripada Harakah ataupun daripada surat khabar-surat khabar yang lain, tidak dibenarkan.

■1745

Ada satu ketika, majlis rasmi kerajaan, wartawan daripada MalaysiaKini juga tidak dibenarkan. Jadi, di mana pendirian SPR? Apakah hendak menggunakan *terms of reference* Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, di mana MalaysiaKini dan juga itu tidak diiktiraf sebagai wartawan rasmi ataupun kita ada *terms of reference* yang lain? Kalau kita ada terma rujukan yang lain, ia juga melibatkan *magazines* yang kecil itu. Jadi, akhirnya semua akan mengaku sebagai wartawan dan ini akan menyebabkan tidak ada satu mekanisme untuk kontrol siapa sebenarnya yang dikategorikan sebagai wartawan yang boleh diberikan hak untuk mengundi secara pos. Ini juga satu perkara yang agak rumit untuk kita putuskan.

Tuan Pengerusi: *I think we proceed.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang 'B' itu Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pegawai petugas SPR.

Tuan Pengerusi: Pegawai petugas.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Petugas SPR dan juga ahli panel SPR. Jawatankuasa ini mencadangkan supaya mereka ini mengundi awal tetapi kita di peringkat panel membincangkan, sekiranya mereka ini masuk dalam pengundi awal, menjadi masalah.

Tuan Pengerusi: *Then, give a chance to vote by post?*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bukan, sebab mereka mempunyai *address* yang berbagai-bagai. Jadi, kita terpaksa menyediakan. Kita cadangkan undi pos. Mereka pun perlu memohon. Kalau tidak, dia pengundi biasa.

Tuan Pengerusi: Berbeza orang begitu juga berbeza tempat kan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini mengundi poskan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Now* mengundi pos.

Tuan Pengerusi: *So*, kekalkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu cadangan kita.

Tuan Pengerusi: Ataupun dia balik kawasan dia tapi dia bertugas.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ataupun dia undi biasa.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kebanyakannya macam ahli panel, mengundi biasa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita undi biasa.

Tuan Pengerusi: *Okey, alright. I think* saya rasa ini boleh.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau dia hendak masuk sebagai pengundi pos, dia kena memohonlah. Akan tetapi untuk mengundi awal Tuan Pengerusi, tidak dapat hendak dilaksanakan sebab berbagai tempat mereka.

Tuan Loke Siew Fook: Maaf ya Tuan Pengerusi. Tan Sri, untuk gambaran, berapa jumlah kakitangan yang akan diambil oleh SPR pada hari mengundi itu?

Tuan Pengerusi: Ada 100 lebih.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita ada 21,000.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Lebih kurang 200,000.

Tuan Loke Siew Fook: Ada 200,000 pada hari mengundi?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Petugas SPR.

Tuan Loke Siew Fook: Petugas SPRIlah. Yang 200,000 ini ada hak untuk memohon menjadi pengundi pos?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Mereka ada hak untuk memohon untuk menjadi pengundi pos.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau mengikut pengalaman-pengalaman lalu, berapa peratus daripada petugas yang memohon menjadi pengundi pos?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kebanyakannya memohon untuk menjadi pengundi pos.

Tuan Loke Siew Fook: Kebanyakan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kebanyakan. Kalau tidak itu, dia mengundi biasa. Kalau misalnya dia bertugas di situ, tempat dia mengundi di situ, dia mengundi di situ sahaja.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tan Sri, kalau jumlahnya sudah melebihi 200,000, saya kira kita boleh wujudkan mekanisme untuk undi awal.

Sebab kalau 200,000, dia sudah tahu dia akan bertugas pada hari membuang undi. Maknanya, SPR sudah ada *database*, ini orang-orang yang akan bertugas pada hari pembuangan undi. Maka, mereka diberikan hak untuk undi awal sebab jumlahnya besar. Kalau tadi itu...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Contoh begini Yang Berhormat, kita ambil petugas katalah di kawasan Hulu Klang, bertugas di sekolah tertentu. Akan tetapi ikut alamat tempat mengundinya bukan di Hulu Klang. Ada pergi Sabak Bernam contohnya, ada pergi Sungai Besar, ada pergi Tanjong Karang. Contoh. Jadi, ini yang menyulitkan untuk kita menyediakan banyak kotak-kotak undi ini, berbagai tempat. Kalau dengan undi pos, dia cuma ambil itu, dia pangkah di rumah dan dia hantar.

Tuan Pengerusi: Dia hantar *by* pos ataupun...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu yang kita nampak. Kalau semuanya di situ, itu memang senang. Semuanya kita pilih petugas itu, semua mengundi di situ.

Tuan Pengerusi: Sama dengan *nurselah*. *Nurse* sama doktor tadilah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang ini dia mengundi di tempat mereka mendaftar mengundi. Kadang-kadang tempat dia jauh, dia tidak pergi balik.

Tuan Pengerusi: Okey, kita KIV sampai 29 hari bulan. *You either* undi pakai pos seperti sekarang ataupun balik pergi mengundi.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tiap-tiap saluran itu ia ada KTM dan sekurang-kurangnya tiga kerani pengundian. Itu semua undi poslah itu. Di luar itu, pegawai-pegawai tunjuk arah dan sebagainya itu, semua undi pos. Jadi, satu-satu pusat mengundi itu mungkin sepuluh orang lebih kurang tapi mereka mengundi di tempat-tempat yang berbeza. Itu yang susah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi Yang Berhormat, kalau secara kebetulan orang yang bertugas tiga orang itu dan seorang lagi KTM itu, dia mengundi di situ, di sekolah berkenaan ataupun berhampiran. Dia dibenarkan mengundi biasa. Tidak perlulah mengundi pos.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dia masih di dalam PPU tersebut.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Maknanya, pergi pun sekejap sahaja kemudian datang balik.

Tuan Pengerusi: PPU tersebutlah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau boleh saya cadangkan, pada 29 hari bulan. Ini, boleh tidak SPR bekalkan data secara umum berdasarkan pengalaman pilihan raya 2008. Daripada 200,000 petugas hari pembuangan undi, berapa *percentage* yang mengundi sekitar kawasan itu dan berapa yang jauh daripada tempat dia bertugas. Daripada situ kita boleh *determine what is the best mechanism* untuk kita buat keputusan. Sebab saya percaya macam KTM dan beberapa pembantu itu, saya rasa besar kemungkinan mereka biasanya telah lama menetap di kawasan-kawasan sekitar pusat pembuangan undi bukanlah mereka baru datang ke situ. Jadi, biasanya, umumnya Ketua Tempat Mengundi dan pembantunya, asalnya daripada kawasan daerah-daerah itu.

Jadi, itu kita boleh membuat keputusan lebih tepat dari segi jumlah peratusan yang pengalaman 2008 yang lepas. Kalau pada 29 hari bulan. ini jadi kita boleh bincang, ada fakta.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Untuk yang baru mungkin Yang Berhormat, tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi: Belum lagi.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: RO belum lantik mereka ini. Mereka ini dilantik setelah kita lantik dan sebagainya. Akan tetapi kalau ada...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Saya ingat mereka sudah pergi latihan, saya dengar.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu RO sahaja.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Bermakna, pilihan raya lambat lagilah ini... *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu RO sahaja Yang Berhormat, bukan petugas-petugas bawahnya. Belum lagi. Itu yang ramai.

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat Gombak tidak sabar-sabar lagi hendak tanding dua kawasan lagi... *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya tidak tahu sama ada, ada lagi kita simpan nama-nama untuk pilihan raya umum yang lepas. Sebagai gambaran, saya tidak tahulah.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maaf Tan Sri, ini sebagai sebab Tan Sri kata baru RO sahaja tapi SPR sudah buat kenyataan bahawa SPR sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya. Sudah tentulah persiapan itu maknanya, latihan kepada RO, KTM dan pegawai-pegawai sudah dilaksanakan. Jadi, sekarang....

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Rahsia.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Rahsia? Latihan tidak rahsialah.

Tuan Pengerusi: *I think* latihan ada tapi tidak...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak akanlah kita bila ditanya, "Oh, kita belum bersedia lagi untuk pilihan raya"... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Hilang kerja nanti.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Maksudnya, bersedia di sini dari segi perancangan kita, berapa ramai hendak dilantik dan sebagainya.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Latihan belumlah.

Tuan Pengerusi: Taklimat sudah tapi belum dilantik.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Lambat lagi, okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Keadilan bersedia tidak? Memang bersedia, memang jawab begitu.

Tuan Pengerusi: *So, I think this one*, kita sekali lagi, Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengikuti kawasan saya, DO sudah buat taklimat tapi pelantikan belum ada.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Belum, belum.

Tuan Pengerusi: Untuk yang satu ini, bersama tundakan dahulu kepada 29 hari bulan. Pelan cadangan saya, daripada semua sekali tidak ada, *give them the option* untuk *at least*, undi pos. *At least*, dia boleh pilih pulang mengundi *or forgo their rights* ataupun *at least*, dia boleh pohon.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya hendak tanya Tan Sri. Macam mana petugas-petugas ini dia keluar mengundi di tempat, sedangkan dia bertugas. Dia ada kerani nombor satu, tugas dia, kerani nombor dua, tugas dia, kerani nombor tiga, tugas dia. Jadi, KTM tugasnya yang tertentu. Macam mana dia boleh keluar pergi katalah dia hendak pergi ke saluran keempat, pergi mengundi kerana dia hendak...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Begini Yang Berhormat, tempat mereka jaga itu tidak sepanjang masanya sibuk. Ada masanya bilangan pemilih datang sudah mula berkurangan dan kadang-kadang tidak ada. Jadi, masa inilah mereka bergilir-gilir dengan cepat keluar.

Tuan Pengerusi: Kalau dua kilometer bolehlah lari.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sebab itu Tuan Pengerusi, kalau mengikut amalan dasar SPR, kita lebih suka petugas SPR ini mengundi pos. Dia sudah dapat kertas undi, hak dialah. Tidak ada siapa hendak mengganggu dia. Dia hantar masuk *envelope* terus kepada RO dalam kawasan dia berdaftar sebab kita hendak mengelak daripada terganggunya urusan pengundi tadi. Akan tetapi betul macam Tuan Pengerusi cakap, ada juga petugas yang tidak mahu mengundi pos. Dia tengok waktu sudah kurang ramai, dia cakap kepada KTM, dia keluar sekejap pergi mengundi. Satu jamkah. Itu pun kalau kawasan sekolah itu dekat dengan dia. *That's why SPR, as far as possible*, kita hendakkan petugas kita mengundi pos. Dia tidak ganggu kerja dia. Itu yang kita hendak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi ada yang tidak mahu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ada, bukannya semua hendak mengundi pos. Dan kalau Yang Berhormat hendak *percentage* itu, kita ada 21,000 tempat mengundi saluran. Satu saluran kita ada *average* tiga ataupun empat. *Punch* sahajalah. Ini yang kalau boleh kita tidak hendak mereka diganggu. Macam PAPAM - pemandu arah pusat mengundi, KPDP, ini orang yang tidak *every minute*. Akan tetapi orang yang dalam saluran ini 21,000 kali empatlah katakan. Itulah jumlahnya orang yang sangat perlu mengundi secara pos. Sebanyak 84,000 yang betul-betul perlu mengundi pos. *Otherwise*, dia minta *excuse* daripada ketua tempat mengundi, dia kata, "Tuan, saya hendak keluar sekejap mengundi". Dia mungkin keluar dua jam. Dia bagi alasan *traffic jammed*lah, macam-macam. SPR sudah berpengalaman benda ini.

Tuan Pengerusi: Kita *continue* dan tengok apa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *It is up to them to make a choice*, hendak undi pos.

Tuan Pengerusi: Okey, kita *review, confirm* 29 hari bulan. Tan Sri, maju.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang kedua, berkenaan dengan pengundi tidak hadir, luar negara. Dengan tujuan kita untuk meluaskan kepada...

Tuan Pengerusi: *So*, menggunakan masa untuk meneliti.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Semua rakyat Malaysia. Jadi, SPR telah membincangkan perkara ini. Sebagaimana juga negara-negara lain, tidak semuanya yang berada di luar negara ini berhak untuk mengundi. Ada juga syarat-syarat tertentu. Jadi, kita sedang meneliti perkara ini dengan membandingkan beberapa negara. Apakah syarat-syarat yang membolehkan *Malaysians* yang berada di luar negara itu boleh mengundi. Selepas itu, yang paling penting sekali sekarang ini ialah untuk memudahkan mereka mendaftar sebagai pengundi.

Jadi, di peringkat SPR, kita telah melantik penolong-penolong pendaftar di setiap *embassies* (kedutaan) ataupun suruhanjaya dan sebagainya supaya *Malaysians* yang berada di sekitar situ, yang duduk di negara-negara berkenaan, mudah bagi mereka untuk mendaftar diri sebagai pengundi. Selain daripada itu, mereka juga boleh mendaftar secara dengan mendapatkan borang daripada *website* SPR, mengisinya dan menghantarkannya kepada ibu pejabat SPR.

Bagi mereka yang telah mendaftar, kita juga mencadangkan supaya mereka memohon untuk yang ini pun belum putus sama ada kita hendak menentukan sebagai pengundi pos ataupun pengundi awal. Ini pun satu hal yang cukup sulit untuk diadakan di negara-negara berkenaan. Kita sedang mengkaji perkara ini dengan teliti dan *insya-Allah by the 29th*, kita ada hendak berbincang dengan Wisma Putra dan sebagainya. Bagaimanakah untuk mengendalikan perkara ini dengan sebaik-baiknya. Banyak negara yang berbeza-beza. Seperti Singapura, dia pilih negara tertentu sahaja. Singapura pula, dia mesti balik sekurang-kurangnya sekali setahun. Macam di Amerika pula, mesti *Americans* itu pembayar cukai. Contoh-contohnya dan sebagainya. Jadi, ini sedang dikaji...

Tuan Pengerusi: Perlu banyak masa lagi.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Supaya *Malaysians* yang berada di luar negeri ini, biar dia ada *attachment* juga dengan negara ini. Tidak telah berada 20 tahun, 30 tahun - dan pasport boleh digunakan untuk tujuan pendaftaran, bukannya kad pengenalan.

Tuan Loke Siew Fook: Jadi, SPR bukan menolakah cadangan itu?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak, *the mechanics*lah perlu diteliti.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma Tuan Pengerusi, saya menyambut baik cadangan SPR untuk berbincang dengan beberapa pihak termasuk negara-negara yang telah melaksanakan kaedah ini. Cuma, *what is the timeframe* dalam usaha untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Loke Siew Fook: Pada 29 hari bulan, boleh buat keputusan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Well*, yang kita hendak berbincang ini kita-mungkin kita dapat *details*. Pertama sekali, kita hendak berbincang dengan Wisma Putra sebab sekarang Yang Berhormat, yang mendaftar dengan Wisma Putra, kedutaan kita, *just about* 25,000 sahaja. *Malaysians* kita yang berada di luar negara dan yang lain *couldn't bother*. Dia tidak mahu mendaftar pun, memberitahu alamat dia kepada kedutaan. Jadi, bagaimanakah cara yang sebaik-baiknya supaya mereka ini mendaftar sebagai pengundi?

■1800

Tuan Loke Siew Fook: Mungkin itu sebagai satu insentif untuk rakyat Malaysia mendaftar dengan Wisma Putra. Kalau dia sudah daftar jadi pengundi, Wisma Putra adalah data mereka di luar negara. Jadi, apa yang kita minta ialah pengundi yang tidak hadir yang sedia hadir ini diperluaskan sahaja. Sebab sekarang setahu saya ialah hanya kurang daripada 2,000 pegawai-pegawai kedutaan kita yang berdaftar sebagai pengundi tidak hadir. Kalau kita perluaskan ini sahaja, untuk PRU 13 ini.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Rasanya sebelum perluaskan itu Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita hendak perlu kajilah...

Tuan Pengerusi: *Qualifications.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...*Malaysians* yang macam mana di luar negara.

Tuan Pengerusi: *Qualification's* dia dan begitu semualah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Even* yang sekarang ini pun, *full time students* kita dengan isteri mereka. Pegawai-pegawai kerajaan kita, *even now...*

Tuan Pengerusi: Tidak buat, tidak banyak, ada 10%..., tidak sampai pun?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *I do not know..*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma Tan Sri, masalah ini kita bincang dalam beberapa siri pendengaran awam yang lepas. Ada beberapa kes, di mana Penolong Pendaftar Pemilih ini, yang dilantik oleh kedutaan pun, mereka sendiri tidak memahami beberapa garis panduan malahan kita cadangkan pada hari itu, mereka ini harus diberikan latihan atau pun SOP yang jelas. Ini kerana ada kes pada hari itu, ada seorang di mana dia pergi, dia *full time student*, ditolak, kemudian dia tulis *email*. Saya fikir empat atau lima kali tidak dijawab oleh SPR. Jadi, perkara ini berlaku di bawah. Jadi, kalau boleh pendaftar pemilih itu, yang dilantik, mesti tahu prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh SPR untuk mendaftarkan mereka sebagai pengundi tidak hadir.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, kita akan. Sebenarnya, kita sudah buat keputusan minggu lepas semasa Tuan Pengerusi cakap, SPR bertemu minggu lepas iaitu *student* kita boleh menggunakan pasport. Kebanyakan *Malaysian students abroad* ini mereka tidak bawa MyKad. Dia tinggal MyKad pada *parents* dia. Saya sudah berhubung dengan Presiden *Electoral Commission United Kingdom (UKEC)*, dia kata banyak *student* yang hendak mendaftar sekarang ini tetapi apabila *High Commission* kata MyKad. Jadi, SPR telah buat keputusan, pasport. Ini yang terbaru dan kita telah maklum kepada *students organization* di UK, semua *student* boleh gunakan pasport sebab di pasport itu ada nombor MyKad. Dengan nombor MyKad itu kita boleh *counter check* dengan pihak JPN status dia. Dia perlu *attach* surat daripada universiti untuk mengesahkan dia adalah *Malaysian fulltime student, because the law says, must be full time.*

Jadi, kita telah buat penambahbaikan Yang Berhormat, hasil daripada pendengaran yang pertama dahulu dan maklum balas yang diterima daripada *student* yang mengadu masalah ini. Cuma sekarang apa yang Tuan Pengerusi kata tadi, SPR hendak berunding dengan pihak Wisma Putra, hendak mencari jalan yang terbaik bagaimana rakyat Malaysia di luar negara ini, *particularly students* kita ini dengan pasangan dan kakitangan awam yang bertugas di luar negara. *These are the priorities, because under the law, these are* pengundi yang tidak hadir, yang berhak mengundi, yang lain itu, kalau dia berdaftar tentulah dia berhak. Akan tetapi *the other Malaysians*, kita hendak tentukan pula syarat-syarat dia. Dia bayar cukai ke negara kitakah dan sebagainya. Kita hendak lihat model US bagaimana, model *Germany* bagaimana? Akan tetapi saya hendak bercakap dari segi *Malaysian students* ini, yang di UK ada *about* 15,000, di Australia ada banyak itu juga. Saya juga baru balik dari *Canada* dan US. Ada lebih kurang 15,000 di sana. Mereka pun sekarang ini mula hendak mendaftar. Akan tetapi kalau mereka sudah mendaftar, *finally* kita sendiri tidak *ready*, bagaimana hendak mengundi pula bila tiba masanya. *That is why* kita hendak berunding dengan Wisma Putra bagaimana kaedah pengundian yang terbaik bagi mereka. Itu yang kita jumpa dengan Wisma Putra.

Tuan Pengerusi: Okey. Apa yang di luar kawalan ini, Sabah dan Sarawak ini?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ini yang ketiga Yang Berhormat, ini yang dalam buku kita ini. Ini tertakluk kepada Perlembagaan Yang Berhormat, kerana kita tidak boleh memberi *special*, *Sabahan* yang berada, *say for example*, di Johor or *Sarawakian* yang berada di Perak. Mereka ada *special* pula, boleh mengundi di Perak untuk kerusi di Sabah. Mungkin kalau kita buat...

Tuan Pengerusi: Dia mengundi balik...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya tetapi dia mengundi bukan balik ke Kapit.

Seorang Ahli: Yes.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Jadi, orang lain pula akan tanya kepada SPR, saya orang Terengganu tetapi saya bertugas di Johor. Boleh atau tidak saya mengundi di Johor? Jadi, apabila ini berlaku Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Ini lautan sahaja. Pisah Borneo ini, dua negeri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya, itu kita perlu- Maknanya, dalam Perlembagaan 119, ada disebut perkataan 'bermastautin'. Di dalam itu mengatakan dan satu pula sudut tatacara pengundian *single member territorial* ini. Maknanya, dia pergi mengundi di tempat bermastautin. Kalau kes seperti orang Sabah dan orang Sarawak yang berada di Semenanjung ini, kalau mengikut peraturannya, undang-undangnya,...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Undi pos.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Kalau dia berada di situ *more than three months*,...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Mesti tukar alamat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Dia boleh tukar alamat dan mengundi di tempat dia tinggal. Maknanya Yang Berhormat, kalau kita buat kepada satu kumpulan, kita tidak boleh lupakan kumpulan yang lain kalau mereka *complain*.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, ya. Ini pandangan. Pada mulanya idea ini tercetus kerana kita membincangkan terhadap orang Malaysia di luar negara, sebab itulah. Kalaulah kita memberi peluang kepada orang Malaysia di luar negara untuk mereka mengundi sebab hak mereka adalah sebagai dan masih rakyat Malaysia mengundi, oleh sebab itulah kami di Sarawak dan di Sabah bertanya, mengapa tidak kami dari Sarawak dan Sabah atau pun sebaliknya dari Semenanjung yang berada di Sabah dan Sarawak mengundi kerana jauh. Kalaulah kita buat bandingan medan, ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekejap, sebelum Tan Sri. Adakah Singapura ini dianggap sebagai pengundi yang kita maksudkan tadi?

Datuk Alexander Nanta Linggi: *Overseas Malaysians.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Singapura, Indonesia, Thailand.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi yalah, dari segi definisinya mereka berada di luar negara, negara asing. Akan tetapi memanglah berhampiran. Mungkin dia orang Johor. Dia balik ke Johor mengundi.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Itu mungkin tidak ada masalah. Ini kerana dalam perjalanan boleh gunakan kereta sebab Sarawak dan Sabah ini kita ini diasingkan oleh Laut China Selatan. *This is a fact.* Kita tidak perlu gelak, *because we are trying to accommodate* hak kita ini. Kalau tidak boleh, apa boleh buatlah. *If it is, because of the Constitution, okay, that is another angle*lah. Akan tetapi *here in the first place, we want to provide the facilities for them, because we are already thinking about Malaysians* yang jauh. *Some people said, no more intimate connection, because they have left the country for 20 to 30 years.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalau ini dibuat, maknanya kita *create* satu sistem yang *really very different*. Mungkin dia mengundi di satu kotak undi tetapi pelbagai. Ia sudah berlawanan dengan undang-undang yang ada. Itu yang kita perlu kaji dengan teliti supaya kita tidak bertentangan dengan Perlembagaan.

Tuan Pengerusi: *Of course, the other way is* undi poslah, bukankah Tan Sri? *It is because the nation is big dan this is a very popular for Sabahan dan Sarawakian and the Semenanjung.* Undi pos kemudian mahu *mail, better than not going at all.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang Berhormat, di peringkat SPR, kita suka supaya mereka ini tukar alamat. Kalau mereka lama duduk di Kluang, bertahun-tahun bekerja di sana, *why not change their address there?*

Tuan Pengerusi: Mahu undi di sini, dia tidak mahu orang Sabah dia mahu mengundi di...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mana, dia lagi suka Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Nanti saya boleh bertanding di situ bagaimana?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Daripada mahu *create another system*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Semangat 1Malaysia, bukan?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada orang Sarawak yang menyatakan kepada kamilah.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di Sarawak hanya orang Sarawak sahaja yang mengundilah. Itulah, *intimate relationship* dia kata. Kalau dia berkahwin dengan orang Sarawak, okey. Akan tetapi apabila dia cerai, sudah tidak boleh lagi.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Itu dia kata begitu pula. Kita pun merasa seperti...

Tuan Pengerusi: Okey, kita terima setakat ini. Jangan katakan tidak boleh tetapi memerlukan perubahan Perlembagaan. Nanti kita fikirkan dan lawat semula dan tanya lagi pandangan peguam lain. Okey, *next...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Keempat, ini berkenaan pertukaran alamat. Perlu pakai akuan bersumpah atau *statutory declaration*. Kami di SPR telah membincangkan perkara ini. Bukan semua tempat Yang Berhormat, ada Pesuruhjaya Sumpah atau *Commissioner of Oaths*. Even kadang-kadang di Shah Alam pun susah mahu cari *Commissioner of Oaths*. Di Kompleks PKNS itu ada tigakah, dua. Kadang-kadang ada dan kadang-kadang tidak ada. Inikan pula di kampung Yang Berhormat. Di desa atau di ceruk-ceruk kampung.

Tuan Pengerusi: Kampung senang, dia cari JP, *Commissioner of Oaths*, DO dan banyak.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bagi orang yang susah atau miskin, perlu bayar lagi RM4 atau RM6. *It is just* mahu tukar alamat. Sekarang ini syarat yang kita tentukan, sertakan fotostat ID, itu pun ramai yang *complain*. Inikan pula hendak buat *statutory declaration*, pergi ke mana-mana. Jadi, pada pandangan saya ini tidak dapat diterima.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ia menyusahkan orang.

Tuan Pengerusi: Tan Sri, kita hendak elakkan yang pindah alamat *just* kerana hendak pindah sementara untuk *change political landscape*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya.

Tuan Pengerusi: Itu yang sewenang-wenangnya katakan tinggal di sana tetapi tidak kerana hendak beri...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Orang yang berkenaan tidak tahu yang dia dipindahkan.

Tuan Pengerusi: Antaranya merekalah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu yang SPR mencadangkan sediakan fotostat IC daripada perlu buat...

Tuan Loke Siew Fook: Fotostat IC senang sahaja Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Itu pun banyak *complain* saya terima.

Tuan Loke Siew Fook: Bukan, maksud saya ialah orang yang hendak memanipulasikan pertukaran alamat itu, dia hendak dapatkan IC fotostat itu senang sahaja daripada orang itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Setidak-tidaknya...

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi saya rasa- sebab *point* ini - *I feel strongly*lah sebab ini dari hari pertama saya bawa isu ini. SPR perlu buat sesuatu untuk *stop this practice*. Kita tidak boleh cakap bahawa memudahkan prinsip atau pemohon dan bukan menyusahkan dan kita *just status quo*. Ini sebab apa yang sedia ada, *practice* ini, memudahkan manipulasi juga. Memang ia memudahkan pemohon yang tulen, yang untuk bertukar alamat tetapi pada masa yang sama, memudahkan juga orang yang mahu memanipulasikan sistem kita.

Jadi sekurang-kurangnya, dalam borang pertukaran itu perlu ada perakuan dia. Kalau tidak pun, Pesuruhjaya Sumpah. Sekurang-kurangnya dia perlu ada berbuat perakuan itu. Kalau dapat dibuktikan orang itu menipu, perlu ada tindakan dalam peraturan pilihan raya sebab *this is too rampant* Tan Sri. Saya punya kawasan, satu DUN seramai 1,000 lebih dan orang itu dia kata dia orang luar. Dia hendak bawa 4,000 orang masuk ke kawasan saya. Majoriti saya 6,000, dia hendak bawa 4,000 masuk.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Banyaknya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi masuk dalam bantahan, ya?

Tuan Loke Siew Fook: Kawasan saya. Saya baru dapat bantahan 30 daripada 800, sebab perlu bayar RM10 Tan Sri.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tuan Loke Siew Fook: RM10 itu pun hendak dikekalkan itu bagaimana? Saya hendak bantah 800, perlu bayar RM8,000. Satu bulan saya punya gaji Ahli Parlimen.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *I think* ini...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat teliti Borang A, sebenarnya di bawah itu telah ada perakuan. Borang itu adalah sebahagian daripada undang-undang. Jadi, di bawah itu telah ada perakuan bahawa keterangan yang di atas itu adalah benar. Kalau hendak pegang yang itu, sudah boleh pegang. Jadi, kalau orang itu hendak menipu Yang Berhormat, dia hendak ada Pesuruhjaya Sumpah *declaration*, itu pun boleh ditipu. Kalau orang hendak menipu, macam-macam cara dia boleh menipu. Betul Yang Berhormat. Soalnya, orang itu buat pertukaran alamat, undang-undang membenarkan orang di kawasan itu membuat bantahan. Baik, tidak mungkinlah sampai 1,000 orang hendak menipu itu? Tidak, saya rasa mungkin- Akan tetapi tidak mengapalah. Saya tidak mahu *argue* dari segi...

Tuan Loke Siew Fook: Bukan 1,000 orang itu tetapi ada 1 orang sahaja. Dia mahu bawa 1,000 orang masuk. Bukan 1,000 orang menipu, 1 orang sahaja yang mahu menipu, dia mahu jadi calon.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi kita SPR, kita pandang serius orang hendak menipu pertukaran alamat ini.

■1815

Sebenarnya, kita telah memberi arahan kepada pengarah-pengarah negeri, perkara inilah yang akan kita tapis betul-betul. Orang-orang yang hendak menukar alamat ini. Kita boleh bagi komitmen kepada perkara ini.

Akan tetapi orang-orang politik *on the ground*, daripada parti mana sekalipun, hendak memanipulasikan sistem yang ada, memang kadang-kadang SPR sudah tidak terdaya. Walaupun kita adakan rujuk *statutory declaration* sekalipun, tetapi Yang Berhormat, saya rasa kalau orang hendak tipu, dia tipu juga. Jadi, apa yang kita patut tekankan di sini sekarang ini, macam mana proses melalui orang hendak tapisan di SPR itu. *Because, the moment* dia buat pertukaran alamat, kita akan buat *counter check* melalui ALIS kita dengan JPN, adakah alamat dia sama dengan alamat JPN dalam rekod JPN. Akan tetapi kalau sistem di JPN pula, orang hendak buat pertukaran alamat, sekadar pergi tukar dalam *chip*, bayar RM10 misalnya, boleh tukar. Apa SPR hendak buat kalau sudah itu sistemnya. Jadi, kita bergantung kepada *official records of the authority of the country*kan, dari segi alamat.

Tuan Pengerusi: Dalam hal ini, JPN serta KSU bahagian kerajaan bersedia supaya apabila ia diubah, dia *genuinely* pindah alamat seperti mana, bukan tujuan untuk pindah mengundi dalam perkara ini sebab seperti mana yang saya katakan tadi. Walaupun dalam borang SPR itu barangkali ada *certify* tetapi *it does not covered by the SD Enactment*, di mana *you* palsu, *you can be charged in* mahkamah *for palsu*. So, *at least* kita mengurangkan mereka yang pindah alamat untuk tujuan sekadar tidak betul punya, untuk politik punya *imbalance*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya Yang Berhormat, kalau KDN bersetujulah, sebagaimana Tan Sri Mahmood bagi tahu kita di sini dahulu. Di peringkat JPN itu ada SD.

Tuan Loke Siew Fook: Itu sebabnya Tan Sri, minta maaf. Kita bincang panjang lebar dalam Jawatankuasa kecil ini. Kementerian Dalam Negeri pula kata, JPN pula kata, dia tidak mahu menyusahkan orang yang tulen, yang hendak tukar alamat. Sebab ini cadangan daripada PEMUDAH, sebab kalau ada orang buat *complain* kata hendak tukar alamat, susah sangat. Hendak bawa bil dan sebagainya, sekarang hendak SD pula, lagi susah. Dia punya agenda dalam PEMUDAH, hendak memudah carakan proses pertukaran alamat dalam JPN. Jadi, oleh kerana itu, kita bincang dalam Jawatankuasa kecil *as a compromise*, okey. Orang yang hendak tukar alamat untuk *whatever reason* tetap ada *requirement* ini. Akan tetapi untuk pertukaran alamat pilihan raya, sebab itu kita hendak mensyaratkan untuk SPR, bukannya di peringkat JPN. Sebab kalau di peringkat JPN, orang yang akan terjejas bukan sahaja pemilik yang hendak bertukar alamat, kepada semua pun, termasuk mereka yang betul-betul hendak tukar alamat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti Yang Berhormat. Dia hendak tukar alamat, dia berpandukan kepada alamat yang disediakan oleh JPN. Sekarang saya hendak tanya, JPN ada sistem bagaimana dia hendak tukar alamat, dia tukar di dalam *chip* sahaja.

Dato' Jariah binti Mohd. Said Ketua Pengarah [Jabatan Pendaftaran Negara]: Boleh tukar dalam *chip* ataupun pada kad.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Why we allow? Can we just say, we do not allow you to change melalui chip. You kena tukar you punya kad pengenalan, baru you boleh tukar alamat.*

Dato' Jariah binti Mohd. Said: PasaL bayaran dia RM10.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Then at least, you boleh....*

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: RM10.

Tuan Pengerusi: RM10 untuk tukar kad?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Tukar kad.

Tuan Pengerusi: Tukar maklumat dalam *chip*?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: RM2.

Tuan Pengerusi: RM2.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *As I said, you stop. Tidak membenarkan orang tukar alamat melalui tukar chip sahaja. That way at least, people yang genuine hendak tukar alamat, dia tukarlah. Kalau tidak, dia tukar alamat, dia bayar berapa, RM2? RM2 sahaja bayar untuk tukar chip? So, easy. With that information, dia pergi kepada SPR. SPR have no choice, but to issue, change it. So, the punca datang daripada JPN. Saya ingat, kita stop that practice of tukar alamat melalui kita tukar dalam chip sahaja. Tukar alamat, kena tukar satu kad pengenalan, bayar RM10. Then at least, they will think twice. I don't know, I think that's the better way.*

Tuan Pengerusi: *Because,* bila SPR hendak tukar, SPR sekadar minta salinan IC, dia tidak check chip.

Tuan Loke Siew Fook: Datuk Wira, tadi Datuk kata borang sekarang ada perakuan. Apa kesalahan dia, penalti berapa?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Tuan Pengerusi: Kalau palsu?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya baca Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *"Saya sedar bahawa penalti kerana membuat pernyataan palsu ialah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 atau pemenjaraan dan denda, kedua-duanya mengikut seksyen 3, Akta Kesalahan Pilihan Raya."*

Tuan Pengerusi: Itu borang untuk pinda tempat mengundi?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kalau dia buat pertukaran alamat palsu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi adakah itu tertulis dalam borang itu?

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya.

Tuan Loke Siew Fook: *As a follow up to that,* boleh tidak SPR initiate legal action? Charge orang. Sebab di Negeri Sembilan, saya telah berjaya strike out 30, kesemua aduan saya diterima.

Sebab saya buktikan orang itu rumah itu rumah kosong. Dia tidak berani datang. *Strike out* terus, 30 orang itu *charge* dialah *as a deterrent*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Boleh, *they should*.

Tuan Pengerusi: *Then it will be a deterrent...*

Tuan Loke Siew Fook: *Let everybody yang change* alamat itu *blame* kepada si orang yang tukar alamat dia.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita boleh teliti sebab satu asas sejak daripada dahulu lagi Tuan Pengerusi, SPR ini berfungsi kita bukan parti hendak menjadi- tidak membawa orang ke mahkamah. Sebab itu kalau orang buat macam-macam fitnah kepada SPR sekalipun, kita mendapat nasihat daripada pihak yang berkenaan...

Tuan Pengerusi: Jadi, itulah apa yang disyaratkan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Rasah punya pandangan saya rasa bagus juga.

Tuan Pengerusi: *I think you should make the police report.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I think it is about time* SPR sekarang ini *charge people*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Mana-mana kes bantahan yang terbukti dibuat berasaskan kepada penipuan dan diputuskan oleh pegawai SPR bantahan itu diterima misalnya, maknanya kes itu sudah...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...*Establish*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak apalah, saya rasa Tan Sri akan bawa kepada mesyuarat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Undang-undang itu dibuat, bukan hanya dibuat untuk baca sahaja. Dia mesti ambil tindakan. Sekarang ini, Datuk kata tadi ini, orang hentam SPR sahaja. *So, it is about time*. Selepas Jawatankuasa ini ditubuhkan, SPR sekarang ini pasang taring yang tajam sikit, *bite back*. Baru dia betul.

Tuan Pengerusi: Okey, dalam perkara ini saya rasa kita boleh terima pandangan SPR, asalkan *provision* yang sedia ada itu dikuatkuasakan. Iaitu maklumat hendaklah betul dan bukan palsu. Ini akan mengurangkan kenyataan atau pindaan yang tidak betul.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bawa dalam mesyuarat...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di situ juga, saya hendak tanya JPN dari segi- bukan JPN, dari segi alamat dalam kad pengenalan dia. Yang Berhormat Wangsa Maju *always asked this question about this* alamat di dalam kad pengenalan. *You want to change, you* hendak *inform* macam mana? Kita kena *inform*, kita kena maklumkan kepada JPN pertukaran alamat dalam masa enam bulan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, pertukaran alamat.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *There is a punishment clause there*. Memang ada *punishment clause* untuk pengetahuan Yang Berhormat Wangsa Maju. Ini pun tidak diambil tindakan. Tidak pernah ambil tindakan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Tidak pernah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi kata Tan Sri Mahmood, tidak boleh hendak ambil tindakan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ada, dalam seksyen 15. Baca sekali lagi tengok. Apa dia kata? Seksyen 15.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Berdasarkan Peraturan 15, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78), Peraturan Pendaftaran Negara 1990, mana-mana orang yang didaftarkan di bawah peraturan-peraturan ini yang bertukar tempat kediamannya ke suatu tempat yang dia mungkin tinggal selama tempoh 90 hari atau lebih, hendaklah dalam masa 14 hari dari pertukaran itu melaporkan fakta itu ke pejabat pendaftaran yang berdekatan dan hendaklah memohon kad pengenalan gantian.

Tuan Pengerusi: Gantian, kalau tidak dibuat?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Tiap-tiap kesalahan di bawah perenggan A, B, C, D, E dan F adalah kesalahan boleh tangkap bagi maksud undang-undang yang berhubung dengan prosedur jenayah.

Tuan Pengerusi: *Arrestable offence*. Boleh ditangkap.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Arrestable offence*. Tangkap *without* waran.

Tuan Pengerusi: Okey, *for the moment*, kita terima ulasan tertakluk kepada bahawa dikuatkuasakan peraturan yang sedia ada di bawah borang itu dan *we can inform the public, so that* dia orang ini tidak akan pinda sekadar untuk tujuan politik. Okey, lima kita sudah *discuss*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang kelima tadi kita sudah bagi cadangan.

Tuan Pengerusi: *We just sit down* dahulu, apa yang boleh dibuat. *Next one should be* nombor enam.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kelima ini Tuan Pengerusi...

Dato' Jariah binti Mohd Said: Tuan Pengerusi, saya sambung balik sedikit tadi. Sekiranya gagal mematuhi mana-mana peruntukan peraturan 8, 8A, 13 atau 15 tadi, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap peraturan-peraturan ini dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya...

Tuan Pengerusi: Atau?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kedua-duanya.

Tuan Pengerusi: Tiga tahun, lebih serius dari - tetapi tidak pernah dilaksanakan. So, ini adalah peraturan dan undang-undang itu sentiasa sedia ada, hanya pelaksanaannya. Okey, nombor enam.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Nombor lima Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tadi lima tetapi yang MIMOS itu lima. *I think* nombornya...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Oh, yea, yea, yea.

Tuan Pengerusi: Ini kadar *fee*...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kadar *fee* RM10.

Tuan Pengerusi: Semua tidak mahu Tan Sri.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Di peringkat SPR kita sudah bincang perkara ini. Kita dapati RM10 ini *very* minimum untuk satu bantahan.

Kalau tidak itu, sesiapa pun boleh membantah kerana tidak ada satu *fee* yang dikenakan dan akan menjadikan lambakan terlalu banyak. Di peringkat SPR dan pegawai-pegawai SPR yang memberi *feedback* itu.

Tuan Loke Siew Fook: Tan Sri, saya pohon ini. Pengalaman saya sendiri. Saya hendak buat bantahan kepada 835 orang nama tetapi tidak mampu. RM8,350 kalau hendak buat bantahan itu. Saya *genuine* punya bantahan. Saya cadangkan kalau dikatakan untuk *deterrent*, orang yang buat bantahan bukan *genuine*. Kita ada satu syarat, kalau bantahan itu ditolak, tidak ada asas, dia kena bayar orang itu. *I think that is a deterrent*. Kalau betul dia ada *public hearing* dan sebagainya dan bantahan itu tidak ada asas, dia kena bayar orang yang dipanggil menjadi saksi itu. *I think that is already a deterrent*. Akan tetapi untuk proses hendak daftarkan bantahan itu, itu sepatutnya dihapuskan.

Tuan Pengerusi: Telah dibincang panjang lebar bahawa ia tidak menggalakkan kita untuk membantu SPR membersihkan pendaftaran itu.

Tuan Loke Siew Fook: *Yes*.

Tuan Pengerusi: Lagipun 10 itu dari segi SPR...

Tuan Loke Siew Fook: RM10 itu tidak boleh ambil balik. Kalau *as a deposit* bolehlah. Kalau kata bantahan itu telah diterima, boleh ambil balik deposit. *At least*, dia dapat balik. Akan tetapi sekarang ini sebagai kos.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita bincang juga ini di peringkat SPR dan mereka mengatakan kalau tidak ada langsung *fee*, *there will be...*

Tuan Pengerusi: Mula-mula ini RM5 Tan Sri. Akan tetapi Jawatankuasa membuat resolusi tidak mahu, untuk membantu SPR. Akan tetapi kita sedia maklum juga, kita tidak mahu orang yang membantah sekadar untuk main-main. Itu yang kita tidak mahu. Misalnya, *I think* satu cara, kalau dibantah itu adalah diketahui bahawa tidak ada asas bantahan dan dia adalah pengundi yang berdaftar dengan sah, *then asking them to pay for the things*, seperti mana *deterrent* sekarang ini, barangkali itu sudah mengelakkan mereka yang sekadar bantahan untuk main-main. Akan tetapi kalau *genuinely*, mengikut pandangan Jawatankuasa ialah untuk membantu SPR, *we shouldn't been seen to be defensive against any improvement* yang kita buat, begitulah pandangan pada saat itu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang pun ada dikenakan macam bayaran *compensation* RM100 maksimum. Akan tetapi itu pun tidak dapat *enforce*. Ramai yang tidak bayar.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Saya *chip in* sedikit Tuan Pengerusi. SPR ini melalui pelbagai pengalaman.

■1830

Tahun 2000, kita wujudkan *clause* ini selepas pengalaman dulu. Bantahan berlaku begitu banyak di beberapa negeri sehingga proses siasatan awam itu kita tidak- begitu banyak sekali sehingga daftar pemilih bagi kawasan yang berkenaan tidak dapat disahkan.

Sebab apa, ia ada berhubung kait dengan – kalau bantahan tidak dapat diselesaikan, daftar pemilih bagi DUN yang berkenaan atau bahagian yang berkenaan tidak dapat Parlimenkah, tidak dapat disahkan. Itu satu dia punya *connectionnya*.

Jadi kedua, kadang-kadang ada orang ini kita belajar juga daripada pengalaman kita, ada orang yang membantah dengan tujuan mengharapkan orang yang kena bantah tidak hadir.

OKB tidak hadir, dia harap bantahan dia berjaya. Jadi, macam-macam cara orang membantah ini. Jadi maka itu, SPR bincang perkara ini dan memikirkan satu bentuk *fee* supaya hanya orang yang serius membantah, dengan alasan yang kuat sahaja yang boleh membantah, yang patut membantah. Sebab ia ada kaitan dengan pengundi lain yang tidak bersalah ini yang dia mendaftar tetapi sebab bantahan itu ada, maka kawasan itu tergendala untuk hendak disahkan daftar pemilih oleh SPR.

Apa kata kalau berlaku pilihan raya kecil, orang yang baru mendaftar tetapi sebab kawasan dia tergendala pengesahan, dia tidak boleh mengundi. Jadi, kita telah melihat dari segi pelbagai sudut sebenarnya, maka kita letak RM10 ini betul-betul bertujuan untuk bantahan dan untuk kita beli setem, untuk menghantar kepada OKB, untuk menghantar kepada pembantah, sila hadir untuk siasatan awam dan sebagainya.

Sebab apabila di bantah, undang-undang mewajibkan SPR memanggil siasatan awam. Kita kena tulis surat semua ini Tuan Pengerusi, inilah duitnya yang kita gunakan. Dengan cara begini, barulah berlaku keadaan di mana berubah iaitu ada lagi parti-parti politik yang membantah sampai– ada satu parti politik bawa RM17,000 *cash* kerana tujuan membantah. Dia sudah *ready* dengan *cash* untuk tujuan membantah tetapi apabila siasatan awam dibuat, tidak semua yang di bantah itu sebenarnya- jadi tergendala, berapa ramai pengundi baru yang tidak dapat disahkan semata-mata aspek bantahan ini. Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa kalau barang ini percuma, rakyat akan *abusekan*.

Jadi, kita letak RM10 itu semata-mata untuk belanja *postage* kita, hantar kepada mereka, suruh hadir siasatan awam. Semua ini bukan kita- sebagai satu cara yang baiklah. *I cannot imagine* kalau barang ini percumalah, dalam keadaan senario politik hari inilah saya rasa Yang Berhormat, banyak orang membantah *just for the sake of* membantah.

Tuan Pengerusi: *Then you can apply* yang 200 dendalah kalau palsu.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi mungkin kita dapat fikirkan macam kalau RM10 sekarang ini satu orang, mungkin kita perluaskan dari segi tidaklah hak kepada satu– kita boleh fikirkan. Akan tetapi jangan sekali-sekali pandangan saya Tuan Pengerusi, kita percumakan. Jangan. Masalah kita...

Tuan Pengerusi: *So, mula-mula itu RM5 itu tetapi...*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Kita akan dilambakkan dengan ribuan bantahan. Apa akan jadi? SPR tidak ada kerja lain, dengan siasatan awam sahaja. Jadi, saya rasalah, fikirlah sedalam-dalam sebelum kita buat satu keputusan.

Tuan Pengerusi: *On one hand* kita mahu lihat SPR terbuka untuk mengemaskinikan meningkat kualiti data yang ada dan tidak dilihat sebagai menghalang. Ini yang penting ini, jadi okey.

Pandangan yang lain? Mula-mula kita cakap RM5, kan? Akhirnya, kita bilang buang RM5. *So, I think some payment*lah.

Untuk *intention* bahawa untuk mengambil ikhtiar untuk membantu SPR itu mengatakan ini orangnya tidak dikenali. Ini orangnya tidak tinggal di situ, minimum. Akan tetapi saya – Yang Berhormat Kangar.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apabila bantahan dibuat, tidak boleh digazet itu adakah bahagian ataupun negeri yang tergantung, Parlimen sahaja? Tidak boleh DUN? Kalau ada lima DUN dan hanya dibantah dua DUN sahaja.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tiga. Undang-undang sekarang dikira satu Parlimen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dikira satu Parlimen.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Undi baru, yang baru mengundi dan yang baru mendaftar.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, ya.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Pengundi yang telah *registered voter, unaffected*. Akan tetapi bagi pengundi baru, kalau dia *genuine voter, first time to become a voter, affected* dia.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya tetapi seluruh kawasan Parlimen itu tergantunglah. Ia tidak boleh digazet.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak boleh disahkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak boleh disahkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Yang barulah, yang lama itu ada. Maksudnya, kalau sepatutnya dalam tempoh satu bulan setengah boleh *settle everything*. Akan tetapi *because of* bantahan itu, mungkin memakan tiga, empat bulan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tiga, empat bulan, ya lah. Satu bahagian itu tidak boleh disahkan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Pengundi baru Parlimen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Pengundi baru sahaja. Dia tidak boleh mengundilah. Kalau berlaku kekosongan. Jadi, hilang hak mengundi, padahal dia sudah mendaftar. Semua pengundi baru, bukan orang yang kena bantah. Semua itu yang dimaksudkan.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dia ada kaitan...

Tuan Pengerusi: *I think* saat ini boleh sahaja kita KIV ataupun kita mengambil maklum. Belum setuju, tidak boleh katakan kita setuju tetapi kita mengambil maklum reaksi SPRIah. 'B' ini sama juga pandangannya, 100 dulu, 100 orang boleh – SPR kata RM10 sahaja, RM10 dulu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Memang RM10 sekarang ini.

Tuan Pengerusi: *So*, kita katakan tidak ada had. SPR mengatakan...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: RM10 bagi seorang pembantah.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. *So*, dia katakan sekarang ini mengekalkan yang RM10.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ini berkenaan untuk membantah daftar pemilih induk. Ini satu hal yang sangat berbahaya Tuan Pengerusi. Jika sekiranya dalam undang-undang sekarang, apabila sudah termasuk di dalam pengundi induk, tidak boleh di bantah lagi. Akan tetapi jika ini dibuka, boleh juga di bantah, di bantah dan juga di bantah. Jika berlakulah dalam tempoh berkenaan untuk pilihan raya kecil ataupun pilihan raya umum, ini menjadi satu masalah yang sangat besar.

Tuan Pengerusi: Ini penekanan ini daripada Sabah, khususnya yang mana dia orang katakan satu orang bangsa lain duduk di kampung saya di sana tetapi saya tahu dia bukan orang sini, mati-mati mahu bantah pun tidak boleh juga. *So*, kemarahan itu disimpulkan di situ.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Kerana dikatakan A tidak boleh, walaupun dia palsu tidak boleh juga. Dia macam anggapan begitulah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi itulah implikasinya Tuan Pengerusi. Kalau ada di bantah seorang induk...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Habis semua.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Habis. Kalau berlaku apa-apa pilihan raya yang hendak dibuat, tergantung tetapi bukan menyekat orang berkenaan, pengundi berkenaan di induk untuk membuat pindaan. Akan tetapi orang berkenaan, bukan orang lain. Contohnya, seperti di Sabah Tuan Pengerusi, dia hendak menukar alamat dia, hendak tukar status diri dia, memang dibenarkan di bawah undang-undang dengan mengisi Borang 'A'. Akan tetapi Tuan Pengerusi menyebutkan ini lebih kepada pemerhatian daripada orang luar. Menampakkkan senarai-senarai ini perlu di bantah. Undang-undang sekarang, itulah yang berbahayanya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Yang Berhormat Tan Sri, *at one stage*kan *we allow* senarai 'A' *at that time* juga. Dari segi mati, hilang kelayakan. Saya masih ingat dulu 'A', 'B', 'C' kita boleh bantah sepuluh tahun dulu.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sekarang sudah tidak ada lagi seperti dulu.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu dan kita perlu SPR perlu menelitilah bagaimana membersihkan mereka ini walaupun dalam senarai 'A' di mana bukti itu diperlihatkan. Itulah waktu di Kota Kinabalu ini Yang Berhormat Tan Sri, disentuh lagi. Ada yang sudah denda di mahkamah, yang diturunkan hukuman bahawa dia palsu tetapi masih juga sana. Dengan kehadiran seperti itu, apa punya data sistem, dengan ICT yang sedia ada, kita tidak boleh cakap.

Encik Chong Eu Leong mengatakan bahawa nama yang disebut sebagai pengundi dan caj di mahkamah mesti duduk di situ. *So*, apabila kita lihat dalam senarai 'A', kita hendak bantah tetapi tidak boleh. *So*, sering kali ini mengurangkan kualiti kepercayaan kita kepada *ability to manage the data system*. *So, we may have to look for other ways how to improve it*, lah. *Of course* yang dikatakan tadi macam *rectifying* itu, yang dibuat 42,000 itu, adalah satu caralah. Satu cara. Okey Ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Seterusnya, yang ketujuh. Ini berkenaan nombor siri kertas mengundi.

Tuan Pengerusi, sekarang ini setiap kertas undi yang kita cetak satu buku itu 50-50. Ia ada *very unique serial number* sama ada *dicounter foil* atau pun di kertas undi dan nombor yang ditulis di situ adalah unik kepada saluran-saluran tertentu. Misalnya, buku ini sampai buku ini kepada saluran satu sekolah berkenaan. Tempat lain tidak ada. Jadi, tujuannya diadakan *serial number* itu Tuan Pengerusi, jika sekiranya berlakulah, didapati undi kertas undi di dalam kotak undi itu berlebihan. Macam mana kita hendak membuktikan bahawa kertas undi itu datang daripada mana? Akan tetapi kalau ada *serial number*, kita senang buktikan bahawa yang berlainan dengan *serial number* itu datangnya daripada luar. Itu sebabnya kita di sini tidak bersetuju bahawa kertas undi itu *serial number* jadi dihapuskan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tan Sri, hendak tanya Tan Sri sebab ada orang yang datang ke sini berhadapan dengan kamilah, tiga kalikah, dua kali dia datang. Dia mengatakan bahawa dia boleh tunjuk bukti. Saya pun hari itu tanya kepada dia, macam mana dia boleh tunjuk bukti. Dia kata dia boleh tahu, seorang itu mengundi datang, dia tahu kertas mana dia dapat. Saya pun hairanlah, apabila buku yang mengandungi kertas undi itu, ia ada 50 *ballot papers*. Jadi, KTM akan keluarkan *at random*, dia bukan keluarkan mengikut siri. Dia ada tujuh bukukah, sepuluh buku, dia keluarkan *at random*.

Dia bagi kepada kerani pengundian. Kerani pengundian akan koyak, walaupun dia tidak koyakkan *at random* pun, dia bagi mengikut nombor satu, nombor dua pun, mustahil dia punya *polling agent* akan tahu. Kertas nombor itu siapa, kata Hashim bin Mat. Hashim bin Mat masuk, dia punya nombor siri 224 umpamanya. Okey, selepas itu kerani itu koyak, ambil buku nombor tujuh, nombor tujuh itu dia bermula daripada nombor 301. Katalah 301 dia ambil. *How do we know that this 224* ini, pengundi ini, dia dapat nombor siri 301, *impossible*. Saya tahulah *it is impossible*. Oleh kerana itulah, kalau bubuh nombor siri kepada kertas pun saya ingat tidak ada masalah. *Nobody will know who votes* dengan kertas mana. Tidak ada siapa boleh *proof*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Betul Yang Berhormat, *agree*. Akan tetapi *in case* Yang Berhormat, berlakulah tuduhan mengatakan tiba-tiba dikira...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, apabila ada lebih itu membantu kita untuk mengenal pasti kertas luar.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Jadi, kita harap sangat supaya ini tidak di perlu ada, *the unit* untuk satu-satu saluran.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada, sebab apa pihak-pihak yang lain yang selalu menuduh SPR mengatakan bahawa ini proses pilihan raya *is not secret*. *I will know*. *So, that's why I want to challenge Mr. Ong that day, you prove it to me how you know?*

Tuan Pengerusi: *Do the contexts* untuk masa akan datang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak boleh. *It's impossible even if you have the serial number, because they will take out the book.*

Ambil buku, buku mengandungi 50 kertas undi, dia ambil buku-buku mana pun tidak kisah dia ada, a *few books*. Katalah ada 700 pengundi, dia ada 14 buku, dia ambillah nombor siri mana pun, dia bagi kepada kerani. *The polling agent will not be able to know.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Akan tetapi Yang Berhormat, mengikut *practicenya* ia tidak begitu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mengikut *practicenya*, dia habiskan satu buku sampai habis baru dihantar buku yang lain.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *What I mean*, dia ada sepuluh buku. Dia ambil satu buku *at random*. Dia tidak bagi enam buku satu, dia ambil – okey, dia ambil nombor tujuh, dia bagi dekat kerani. Kerani habiskan, dia ambil satu lagi buku dia bagi.

Tuan Pengerusi: Dia ikut *serial number*. Biasa. Dia ikut *serial number*. Ertinya, dulu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *No, I think if it is done that way, it is more intelligent. It is more secretive you* buat begitu.

Tuan Pengerusi: Ertinya, jangan ikut susunan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Even* kalau dia ambil Tuan Pengerusi, dia ambil ikut *sequence* pun.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, dia kata mengikut *sequence*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mana boleh tahu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia *counting agent, polling agent* dia kata.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kecuali *polling agent* catatkan *serial number* di *counter foil*. *That...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada, tidak ada. Dia *polling agent*, dia tengok, okey nombor masuk, Hashim bin Mat, nombor sekian-sekian. Dia nombor satu. Jadi, kononnya dia kata, kemudian hari dia akan tahu.

■1845

Tuan Pengerusi: Ceritanya begini Tan Sri, PPU yang kecil macam Sabah Sarawak, ada katakan seratus orang sahaja, *so* daftar pemilih begini, okey. *So*, dia boleh *count more or less, the first thirty* siapa yang datang dahulu dan apa nombor yang dikeluarkan. Jadi, dikatakan pada masa kira undi itu, *serial/003kah* itu, dia boleh tahu siapa punya nama sebab kumpulan dia kecil. Sememangnya *possible, to me for the first ten or twenty*lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *The more intelligent, jadi more intelligent* kepada sayalah. Saya cadangkan kepada kerani-kerani itulah. Dia *take out at random*lah kertas- koyak *at random*. Ini kerana dia ada buku 50 kertas, bila datang pengundi yang pertama, tidak payahlah koyak yang atas, ambil yang bawah dahulu, bagi.

Tuan Pengerusi: Bagaimana dengan itu? Sekurang-kurangnya dia *random...*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *That is more better...*

Tuan Pengerusi: Kalau *running numbers*, in a PPU 60 pengundi, saluran 60 pengundi, memang boleh *memorize the first ten*. Bila *you* kira, *I look for the serial number, number five, I can know*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *It is impossible*. Kalau *you* ambil buku, kertas, *first*, bagi, tarik nombor tujuh, tarik nombor sembilan, tarik nombor berapa, tak kisah. Kesudahannya *you finish the book, anyway...*

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Rasah. *Okay, we are taking too long...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Cuma takut dia tidak habis buku itulah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia tidak habis, *it doesn't matter, you can count*.

Tuan Loke Siew Fook: Mungkin soalan ini...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia ada berapa buku sahaja, bukan beribu buku itu.

Tuan Loke Siew Fook: Mungkin soalan ini saya tujukan kepada Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar, sebab sebagai orang lama. Pernahkah SPR dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas, membenarkan KTM ataupun kerani menulis nombor pengundi, siri pengundi itu di *counterfoil*? Ini kerana ini yang menjadi persoalan. Mengapa kita hendak buang nombor siri ini? Sebab aduan orang ramai bagi *feedback* kepada kita. Dia kata, masa dia ambil undi, kerani itu tulis nombor siri dia tepi *counterfoil* itu. Itu yang menjadi kebimbangan kepada ramai pihak, ramai pengundi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan Pengerusi, jawapan dia, sebelum 2008, memang itulah tatacara kerja iaitu kerani kita menulis nombor siri di *counterfoil*. Akan tetapi apabila sudah menjadi satu isu, orang bantah, parti-parti politik membantah, kerahsiaan undi takut tidak terjamin, kita sudah mansuhkan peraturan itu. Jadi, 2008 sudah tidak ada lagi. Itu memang betul. Kalau itu, kalau kita hendak kata SPR kemudian boleh menyemak siapa undi siapa dengan menulis nombor siri itu, nombor itu ada nombor pengundi dalam senarai.

Tuan Pengerusi: Ya, dalam daftar.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Nombor pengundi, katakan Hashim bin Mat tadi, nombor 123, kita tulis di *counterfoil* 123, bermakna kita boleh *check*. Akan tetapi undang-undang itu sudah tidak ada. Peraturan itu sudah tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tahun 2008, sudah tiada.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Sudah tiada.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sekarang dia tulis, dia buat satu *dash* di antara nombor siri dan nombor kad pengenalan dia. *To signify that* dia datang mengundi, itu sahaja.

Tuan Loke Siew Fook: Itu yang menjadi pokok mengapa kita membuat cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi itu tiada sudah.

Tuan Loke Siew Fook: Praktis itu yang menjadi pokok kepada kebimbangan ramai pengundi. Dia kata undi dia tidak rahsia, sebab...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Yang Berhormat saya perbetulkan, *statement* saya tadi, 2004 sudah dimansuhkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tahun 2004, bukan 2008.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tahun 2008 sudah memang tiada.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi 2004, saya masih terima ada aduan, mungkin kerani itu, tidak pastilah, ada lagi *after that*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ini kerana semasa 2004, banyak peraturan baru untuk meningkatkan kerahsiaan ini kita buat. Salah satu yang paling utama sekali, semua kerani SPR tidak dibenarkan menulis nombor siri. Akan tetapi kalau sudah ada seratus ribu kerani Yang Berhormat, ada seorang yang tidak mahu ikut, saya tidak boleh hendak jaminlah perkara itu. Akan tetapi 2004 kita sudah— perkara ini berbangkit semasa pilihan raya 1999, isu kerahsiaan undi ini perkara besar. Jadi, 2004 sudah tiada, 2008 sudah memang tiada. Jadi, kita berterusanlah sebab undang-undang itu, peraturan itu sudah dikeluarkan daripada peraturan-peraturan perjalanan pilihan raya.

Tuan Loke Siew Fook: Saya hendak cadangkan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nombor kertas undi itu ada di dia punya *butt* dan ada dia punya...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ada di kertas undi, *still* rahsia.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Asalkan *you* tidak tulis nombor siri.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Ya, kita sudah tidak tulis Tuan Pengerusi, tidak ada.

Tuan Pengerusi: Bagaimana dengan cadangan daripada nombor itu kita *punch* dia seperti pasport. *At least*, ada nombor *on both sides* tetapi *only upon verification*. *Then, only you have to— at least*, itu dua, tiga atau tidak kelihatan itu di situ seperti pasport punya nombor, *punching*. *At least*, dalam konteks *injunction*kah atau pun *judicial review*, baru *you need to go and read them according to that*. Jadi, kalau itu pun akan membantu sedikit, *at least the number...*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tuan Pengerusi, sekarang ini di samping *the serial number*, ada ditindik seperti tiket bas itu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mempunyai karektor yang berbeza setiap saluran. Ada juga kita bercadang bagi pilihan raya akan datang, tempat yang susah sangat, kita cop.

Tuan Pengerusi: Itulah saya mencadangkan, *at least* dengan *punching* itu, *not so clear*, 231 di sana. *Some of the polling agent*, dia katakan 60 sahaja pengundi satu saluran. Mereka boleh *memorize*, *you* nombor tiga, bila kira undi, saya cari nombor tiga, saya tahu apa kau undi, dia bilang.

Itu dalam kecil punya tetapi di bandar ini ribu-ribu ataupun berapa, lapan ratus satu saluran, sukar. Akan tetapi dalam kawasan luar bandar, kira di balai raya itu senang sahaja. Kalau sekadar 60 pengundi, 30 yang hadir. Barangkali masukkan itu sahaja bahawa...

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya minta SPR kena sebelum pilihan raya, mungkin dua, tiga hari sebelum hari pengundian. SPR patut, benda-benda yang asas ini atau benda-benda pokok ini, kena SPR bagi kenyataan secara terbuka untuk memberikan keyakinan kepada orang ramai.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dalam kursus kita kepada petugaslah tetapi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Assure the public*, maklumkan kepada umum bahawa ini-ini yang akan berlaku.

Tuan Pengerusi: Ini 'B'...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kadang-kadang media tidak keluarkan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kalau SPR dia keluarkan.

Tuan Loke Siew Fook: Kalau SPR dia beri keluar.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma ada satu cadangan tadi Tan Sri. Okeylah, kalau SPR berkeras untuk kekalkan nombor siri. Bagaimana cadangan untuk kita ambil kertas undi secara *random*. Apa masalahnya tidak boleh dilakukan?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dia tidak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Maknanya, kita *randomizekan*...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sama juga, cuma sekarang ini kita buat habis satu buku. Setiap kali kami melawat itu, berapa buku sudah habis? Itu sahaja, dia ambil ikut *sequence*.

Tuan Pengerusi: Ikut dari atas sampai bawah.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Dari atas ke bawah, bawah ke atas.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Akan tetapi yang lebih penting Tan Sri ialah untuk *eliminate the fear among voters*. Ini sebab *the reality on the ground*, masih ada lagi beberapa pihak yang masuk ke kampung. *I am not talking about the urban voters, rural voters* yang dimaklumkan, "Makcik, makcik undi parti ini sebab kami tahu ada nombor siri". Ya, ini realiti. Jadi, makcik-makcik ini- "Nanti makcik tidak dapat pencen, anak tidak dapat biasiswa". Ini berlaku.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Jadi, bagaimana kita hendak *eliminate fear* ini. Jadi, salah satu cara kalau hendak kekal...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Menyampuk] [Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Yang Berhormat Kangar, pencen bukan pembangkang beri, pencen belah sana bagi. Jadi, belah sanalah buat kerja ini... *[Ketawa]*

Jadi, hari itu ada cadangan, kalau kita tidak ambil yang ke-45 kah, 50 kah, kita koyak lima sahaja. *The first five*. Makna, kita koyak lima yang pertama, kita letak atas meja itu, *then* bila dia masuk, dia boleh pilih mana dia hendak pilih. Jadi, mungkin dia ambil kertas yang ketiga, mungkin kertas yang kelima. Itu boleh mengukuhkan lagi kerahsiaan undi dia.

Tuan Pengerusi: Itu minta pihak SPR kaji kembali. *Just tinjau kembali*...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi Yang Berhormat, jika seorang bagus memorinya, dia akan ingat juga.

Tuan Pengerusi: Tidak juga tetapi cara lain tadi, paling *simple, put holes* sahaja. Jadi, tidak nampak itu nombor dengan mata kecuali dengan penelitian oranglah, yang lubang-lubang itu. Seperti pasport.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tuan pengerusi, Yang Berhormat, saya tambah sedikit. Soal bagaimana orang berkempen di luar sana, di kampung, untuk mendapat undi, itu di luar kawalan SPR ya. Kalau SPR buat uar-uar apa sahaja, kalau mereka di kampung hendak menipu secara berkempen, mereka akan buat juga.

That is the reality Yang Berhormat. Akan tetapi percayalah saya cakap, sistem yang kita sudah guna pakai sekarang, penambahbaikan berterusan setiap kali pilihan raya untuk menepati ciri-ciri ini, ketelusan, ciri-ciri kerahsiaan. Oleh sebab itu kita mansuhkan, kalau hendak buat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gombak tadi, koyak lima letak atas situ. Saya rasa Yang Berhormat, berkecamuk di pusat mengundi kita. Kalau sudah orang duduk berbaris sampai 30 orang, dua, tiga meter, saya rasa berkecamuk.

Sekarang ini perjalanan proses pilihan raya kita lancar dan licin kerana sistem yang kita guna pakai ini betul-betul orang faham. Akan tetapi kalau orang di sana berkempen hendak menipu orang ramai, cara hendak mendapat undi, itu kita terpaksa meningkatkan dari segi promosilah. SPR akan menggunakan media massakah ataupun risalahkah, edarkan kepada orang ramai iaitu segala kerahsiaan, SPR akan pertingkatkan perkara itu. Akan tetapi saya rasa janganlah kita atas rasa curiga pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Tidak, ini juga berasas kepada pendengaran awam dan apa yang mereka kemukakanlah. Kami juga melihat bagaimana mana-mana penambahbaikan itu, transparansi dan kepercayaan.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mungkin secara *random* itu, hendak di ambil kertas undi itu, bagi buku itu bolehlah. Akan tetapi kalau hendak diambil *random*, banyak buku.

Tuan Pengerusi: Tidak, tidak. Dalam satu buku itu. *Don't follow the serial number*. Satu, ada 50, you can tarik sini sana.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Daripada satu buku sahaja...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sebab kalau dikira satu buku pun daripada satu buku juga.

Tuan Pengerusi: Ya, 50 juga.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cadangan yang kita terima dalam pendengaran awam, daripada setiap buku itu, kita ambil *at random*. Habis satu buku, masuk buku kedua, kita *pull at random*.

Tuan Pengerusi: *Don't follow the serial number*.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Ini kerana dalam kawalan SPR untuk penambahbaik. Saya setuju Datuk. Apa yang berlaku di luar itu di luar kawalan SPR tetapi apa yang boleh dilakukan oleh SPR, saya ingat ada baiknya kita telitilah cadangan itu.

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa...

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Manakala yang (b) ini, membenarkan supaya di pusat pemilihan undi boleh dikira semula, kalau kurang 2%.

Tuan Pengerusi: Ada 2%.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Jadi, di peringkat SPR kita telah membincangkan perkara ini. Sekarang ini dibenarkan jika sekiranya perbezaan kertas undi itu kalau 4% *and less* di setiap saluran. Apabila sampai di pusat pemilihan, tidak ada lagi.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa berpandangan, memberi syor bahawa boleh buka jika ia kurang daripada 2% dan ini dipersetujui kedua-dua pihak.

Tuan Loke Siew Fook: Tuan Pengerusi, saya hendak beri respons sedikitlah. Sebab ini, saya rasa semua AJK bersetuju berkenaan dengan cadangan ini. Itu sebab kita masukkan dalam cadangan ini. Ini mengapa kita hendak bawa cadangan balik ini, .

Ia bukan sahaja lihat pada soal teknikal, ia soal kepada emosi parti-parti yang bertanding juga. Katakan, ini contoh yang tulen, contoh yang benar. Baru-baru ini pilihan raya negeri di Sarawak, kawasan Senadin, calon PKR kalah 58 undi.

Jadi, *at that moment*, bagi sesiapa yang kalah 58, *it is very close*. *Very* natural, dia minta adakan *recount* dan pada ketika itu memang emosi *run high* dan memang sebab peraturan sedia ada tidak membenarkan *recount*. Ini menyebabkan satu keadaan emosi yang cukup tinggi.

Kalau ada *recount*, *at least* ada satu proses lagi untuk *pacify*. Kalau betul, *recount* dan kalah. Pihak yang kalah pun memang kena terima. Saya katakan bukan sahaja kerana hendak kita yang kalah, esok kalau pihak Barisan Nasional yang kalah, 38 undi, 10 undi, 15 undi, berlaku juga, akan emosi juga pihak mereka. Di pihak ejen-ejen, di pihak penyokong-penyokong. Mesti ada emosi, sebab selama ini dibenarkan untuk *recount* di pusat penjumlahan undi.

Saya masih ingat tahun 2004, Ipoh Barat, Kota Melaka, Bukit Bintang, Permatang Pauh *recount*, hari kedua. Tiga kawasan kita menang, satu kawasan kita kalah, Kota Melaka kita kalah. *So, we have to accept*. *So, everybody have to accept* kalau sudah ada *recount*. Jadi, apa yang kita hendak bawa balik cadangan ini ialah supaya pada malam keputusan itu diumumkan, supaya tidak ada emosi yang terlalu tinggi. Saya nampak sendiri di Miri. *It is not by us, it is not by our activist*, orang ramai. Demonstrasi di tempat itu. *So, emotion run high*, kerana tiada satu proses untuk mereka lihat kembali atau *at least* ada satu platform untuk *recount*.

■1900

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat sebelum itu, saya minta izin untuk- kerana ada urusan yang penting. Nanti Yang Berhormat Timbalan Pengerusi akan mempengerusikan seterusnya, hari ini dan hari esok. Saya mohon maaf Yang Berbahagia Tan Sri, ada urusan yang- Hanya ada permohonan untuk surat ini, untuk ini, SPR inginkan bahawa supaya dikembalikan. Saya cadangkan bagi yang sudah diterima, saya rasa boleh untuk khas untuk Jawatankuasa, yang belum lagi diterima, kembalikan kepada saya. Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta respons daripada Tan Sri. Kalau lihat alasan yang diberikan oleh SPR di sini, berdasarkan kepada peruntukan yang seumpamanya yang telah dipinda, ia tidak mempengaruhi keputusan pilihan raya. Akan tetapi, kalau kita lihat apa yang berlaku di Permatang Pauh, ia bertukar keputusan itu. Ia mempengaruhi keputusan itu. Ia melibatkan masa yang panjang dan kos yang tinggi. Saya kira oleh sebab masalah ini tidak akan berlaku di semua 222 kawasan Parlimen, mungkin satu kawasan, mungkin dua kawasan.

Jadi, lanjutan daripada penjelasan Yang Berhormat Rasah tadi, saya kira perkara ini harus dibenarkan supaya tidak timbul masalah dan rasa tidak puas hati. Ia saya tidak lihat satu kos yang begitu tinggi kerana bukan semua kawasan akan berlaku sedemikian. Mungkin satu kawasan, mungkin dua kawasan ataupun tiga kawasan. Akan tetapi ia baik untuk SPR untuk menyediakan satu lagi proses bagi memberikan kepuasan kepada semua pihak yang bertanding dalam kawasan yang berkenaan. Ada baiknya...

Tuan Pengerusi: Kalau perlu, kita minta pihak SPR runding balik.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya dimaklumkan, mengikut sejarah pilihan raya di SPR, jika sekiranya keputusan itu walaupun kecil bagaimanapun, dikira pun berkali-kali, yang menang tetap yang menang asal. Tidak pernah berlaku, *correct me if I am wrong*, apabila dikira dalam sejarah, parti lain menang. Jadi, berdasarkan itu, kita berpandangan daripada kita— Saya dimaklumkan untuk menjaga keselamatannya, masa yang begitu panjang, petugas-petugas yang begitu penat mengira *the next day*. Akhirnya, keputusannya, jumlahnya sama juga. Jumlah mungkin berbeza sedikit sebanyak tetapi yang menang adalah parti yang menang tadi. Jadi maknanya, sekarang ini ia dikira di peringkat saluran, kalau bezanya 4% *and below*. Di peringkat penjumlahan semula undi, tidak ada lagi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Betul Yang Berhormat. Permatang Pauh, Datuk Firdaus lawan dengan Presiden PKR bukan? Kiraan di saluran memang BN kalah tetapi disebabkan ada peruntukan pada tahun itu untuk dikira semula di pusat penjumlahan rasmi undi, dikira semula keesokan harinya. Maka, BN juga kalah. Oleh sebab itu kita dengar cerita calon BN marah, buat itu dan buat ini. Itu fakta. Memang bukan calon BN yang menang di peringkat kiraan saluran, bukan.

Tuan Mohamed Azmin Ali: *I want to interject here* Datuk. Akan tetapi ketika itu bila selesai pengiraan di saluran, BERNAMA telah mengumumkan Datin Seri Dr. Wan Azizah kalah secara rasmi.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak. Saya ingat Yang Berhormat. Kes, kita ada empat tadi bukan? Ipoh Barat, Kota Melaka, Permatang Pauh dan Bukit Bintang. Saya ingat semua kes itu. Keputusan di saluran semuanya, kalau parti itu kalah, kira semula di pusat penjumlahan undi, parti itu tetap kalah. Akan tetapi sila Yang Berhormat dengar penjelasan SPR dari segi masalah yang berbangkit. Bayangkan kalaulah Parlimen itu mengandungi pemilih 70,000 orang, kita tidak dapat kira malam itu juga. Ini kerana proses pengiraan semula ini mesti dikira oleh pasukan pengundian yang sama, yang sudah bekerja satu hari suntuk daripada pukul 6 pagi itu. Malam itu mereka sudah *surrender*. Dia mari serah, kalau kita kata kira semula malam itu juga, mereka tidak sanggup Tuan Pengerusi.

Oleh sebab itulah kita letak peti undi itu di dalam dewan, kita pasang CCTV, polis kawal 24 jam, di luar pagar sana penyokong parti sampai tidur di belakang dewan. Pagi esok *the set of polling officers* tadi, *the same people*, KTM dan kerani pengundian itu akan datang pagi-pagi untuk mengira pula. Letak di atas meja, *imagine* 70,000 kertas undi misalnya, kalau Parlimen itu besar, mereka tidak sanggup. Bukan sahaja keputusan seluruh negara tergendala kerana empat kerusi tadi tidak dapat diisytiharkan pada malam itu juga tetapi dia punya kerenah logistik itu cukup dahsyat sekali. Kita harapkan seperti Yang Berhormat Loke kata, untuk menyelesaikan masalah emosi. Pada malam itu memanglah emosi.

Akan tetapi akibatnya simpan peti undi di dalam dewan itu satu malam, dia punya peningkatan emosi itu, dengan kiraan esok hari pula, di Bukit Bintang seperti hendak bergaduh, di Permatang Pauh memang sudah bergaduh, di Kota Melaka memang sudah bergaduh. Saya rasa kalau soal hendak mengurangkan emosi, bukan itu cara penyelesaiannya. Akan tetapi daripada ingatan saya Yang Berhormat, keputusan tidak berubah. Kira *total* di saluran tetap kalau yang kalah itu, tetap kalah. Saya boleh *check* rekod dalam perkara ini.

[Timbalan Pengerusi *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya tidak tahulah. Kalau dikira di Kemuning, mungkin kita menang. Kita kalah dua undi itu di Kemuning tetapi kita tidak minta supaya dikira semula. Di Kemuning tahun 2004.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sama juga di Kelantan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di Permatang Pasir.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Manik Urai.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Manik Urai.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Mengikut peraturan kalau hendak kira di saluran. Dia sebut nama saluran berkenaan salah kira, bila kita kira balik di saluran itu, apa yang kita tulis itu adalah betul. Jadi maknanya, jika sekiranya jumlah di saluran itu betul, mana kalah, mana menang. Akhirnya, keputusan saluran di pusat penjumlahan undi akan begitulah. *You* kira berapa kali pun, ia tidak akan berubah. Saya ada tiada pengalaman kira semula, Datuk Wira Haji Wan banyak menghadapi, merasai pengalaman.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kira semula di Permatang Pasir, saya kira semula, Ibrahim Ali. Mula-mula kalah 132, kira semula beliau kalah 136.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kalah jugalah.

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak semestinya *counting agent* yang sama bukan? *Counting agent* yang lain pun tidak mengapa.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Tidak boleh. Undang-undang kata orang yang sama.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak semestinya orang yang sama. Bukan dia boleh kenal kertas-kertas undi itu. *You come bring in fresh people to have a look and afterall, you are going to recount. I do not understand why you should bring in the same people but anyway, soalnya itu kerana perbezaan undi yang menang dan kalah itu terlampau tipis, 2%. Kalau kita buat 1% bagaimana? 1%, then you get less numbers.* Kalau kita lihat – okey, kalau mengikut keputusan tahun 2008. Kita ambil *figure* 2%, berapa kawasan yang akan dikira semula? *Can you give us the figure on that and see how, as a guide.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Based on berapa percent Tuan Pengerusi?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Based 2%.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Based 2%?*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *Ya, as a guide.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Kita boleh check.*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *As a guide.*

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Dahulu sebelum kita *introduce* 4% - dahulu 2% tetapi sebab kita sudah tidak boleh kira di pusat penjumlahan, kita luaskan peluang untuk mengira di saluran. Oleh sebab itu kita naikkan 4%. Jadi bila 4%, maknanya ruang untuk menuntut kira semula itu lagilah luas. Sepatutnya semua pihak yang kalah berpuas hatilah kalau *the differences allowable to be recounted* sudah luas. Jadi, itu kita bincang begitu tetapi kalau sudah hendak balik pula pergi kecil pula tetapi saya dengan ikhlas saya kata, walau bagaimana kita ghairah untuk hendak mengubah, tidak usahlah kita kira di pusat penjumlahan. Kerenahnya Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tidak sanggup lihatlah, betul. Besar masalahnya. Bukan sahaja masalah petugas SPR, masalah menjaga keselamatan peti undi pada malam itu. Cukup besar kerenahnya. Betul kata Yang Berhormat, bukan 222 kawasan, mungkin empat lima kawasan tetapi itulah yang menjadi ketegangan.

Jadi, saya rasa masa Manik Urai, BN kalah, BN sedar undang-undang ada, dia tidak minta kiraan semula. Akan tetapi semasa Senadin, PKR kalah, PKR punya *leaders* pun tahu undang-undang itu ada.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Manik Urai ada minta kira.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Akan tetapi kita kata tidak bolehlah. Begitu juga RO kita di Miri dahulu, kata tidak boleh tetapi teganglah pada malam itu. Akan tetapi sebenarnya kita perlu menjalankan tanggungjawab berasaskan kepada undang-undang.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, *we move on.*

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Jadi yang 'C' ini, yang terakhir sekali berkenaan dengan cadangan supaya selain daripada tanda pangkah ini Yang Berhormat, tidak diterima. Ini kita *against international norms*. Bagaimana bijak pun seseorang itu Yang Berhormat, kadang-kadang semasa dia hendak menulis itu, kadang-kadang mungkin dia tersilap. *Instead of* pangkah, dia tertulis bulatkah, apakah tetapi *intention* dia kita tahu, dia memilih kepada kotak itu, calon berkenaan. Jadi, kalau kita *so strict* sehinggakan kalau tanda 'tick' pun tidak boleh, kalau tanda 'dot' pun tidak boleh, tanda itu di kotak berkenaan, ia akan menyebabkan undi ditolak ini meningkat.

Kita tidak memberi peluang kepada orang yang buta hurufkah ataupun yang sakitkah ataupun sebagainya. Jadi, kita menganggap bahawa biarlah diterima juga tanda-tanda lain menunjukkan *intention* dia memilih calon.

Tuan Pengerusi: Ini dikemukakan daripada Sarawak. Jadi, kita memikirkan mungkin betul sampai kepada masanya, mungkin kita sudah *very matured*. *The nation is very matured*, semua orang sudah tahu tetapi kita tidak mengambil kira orang tua, orang yang tidak begitu – lemah sedikit, apa semua. Buku-buku panduan itu yang saya pun tertarik melihat buku panduan dikeluarkan oleh SPR itu bukan main hebat. Dia punya contoh-contoh undi rosak, undi tidak rosak, bukan main susah. Kita punya *counting agent* hendak beri kursus kepada mereka, dia hendak balik tidur malam-malam, bini dia pun tidak kisah, sibuk lihat buku-buku setiap malam, sibuk belek ini bagaimana ini.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Tidak adalah sampai begitu sekali Yang Berhormat... [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Jadi, kalau kami, benda ini kami - *a simple one*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Ya. Ini kerana negara lain pun begitu Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: *Universal practice*.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Universal practice*.

Tuan Pengerusi: *No problem*.

Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar: Lagipun pangkah ini kadang-kadang, saya hendak sebut di sini, ada juga orang berkempen, "Kalau *you* benci kepada dia, *you* pangkah dia. Kalau *you* suka dia, *you* 'right' dia." Jadi, macam-macam cara orang berkempen kepada orang-orang yang minda lemah di kampung-kampung ini.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Itu biasa parti pemerintah... [Ketawa]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, ini untuk rekod. Saya bersetujulah dengan pandangan ini sebab saya pun yang bangkitkan perkara ini. Oleh sebab mengambil kira ramai penduduk di luar bandar di Sarawak, belum fasih. Terima kasihlah kalau pihak SPR berpandangan sebegini. Saya memang...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Bukan sahaja di Sarawak Yang Berhormat, di UK...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Di UK pun ya?

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Di UK, di Bosnia. Maknanya, ada yang tidak boleh ikut— [Disampuk] Kita pilih tempat yang kita pergi sahaja... [Ketawa]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey. *Alright*. Kita habis setakat itulah sementara waktu. Jadi, *dinner* jam 8 malam. Jadi, saya mengucapkan bagi pihak Tuan Pengerusi, mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak SPR, Yang Berbahagia Tan Sri dan Datuk Wira dan semualah pegawai-pegawai yang turut hadir.

■1915

Tuan Loke Siew Fook: Cuma satu Tuan Pengerusi kalau, saya cuma berharap supaya SPR dalam penjelasan perkara-perkara ini, *I think* biar *transparent*. *I think* SPR patut buat lebih banyak *public relations* punya *exercise* untuk menjelaskan mengapa SPR tidak terima. Kadang-kadang mungkin boleh kita terima ini adalah alasan-alasan yang kukuh mengapa SPR tidak melaksanakan sesuatu cadangan. Akan tetapi oleh kerana SPR sendiri tidak *explain* kepada *public*, ini menjadi tuduhan kepada SPR untuk tidak mahu melaksanakan reformasi. Jadi, saya harap SPR boleh lebih *forthcoming* berkenaan dengan penjelasan-penjelasan mengenai isu-isu ini.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat, saya pun berharap bagi pihak SPR, kepada Yang Berhormat, supaya bantu SPR. Jangan kita putar-putar. Jadi, saya harap bantu SPR, kita kata betul SPR kata begitu, harap begini. Tuan Pengerusi, yang selalu itu tidak begitu Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook: Kena bagi penjelasan sendiri dahulu. Kita tidak boleh bagi pihak SPR bagi penjelasan. *So*, itu yang penting.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Kita kerjasamalah. Saya Yang Berhormat, bagi pihak SPR juga mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada ahli-ahli Jawatankuasa ini yang banyak membincangkan untuk memperbaiki proses pilihan raya SPR. Bekerja macam ini sampai...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya lah, sampai pukul 7 dah sekarang.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: ...Waktu rehat dan sebagainya. Saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya minta kepada SPR, bolehkah menyiapkan sedikit-sedikit maklumat kepada kami sebagai contoh. Mana negara yang mengumumkan tarikh pilihan raya awal? *So that* kita ada perbandingan. Mana negara yang ada dia punya deposit, macam mana dia bayar. *Candidate* dia bayar deposit banyak mana, sebagai contoh dan panduan kepada kita. *All these sort of things can you just give it to us*, sebagai panduan. *Study* ini, ada seorang yang datang, dia bagi panduan kepada negara-negara yang mengamalkan undi kepada warganegara mereka yang berumur 16 tahun, 18 tahun. Jadi, sebagai contoh, sebagai panduan kepada kita *but, we want to know* macam deposit negara-negara mana, bayar banyak mana deposit, *how do they go about it and then* pengisytiharan awam. Okey, memandangkan masa pun sudah...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Satu sahaja Dato' Seri. Perkara ini saya bangkitkan dalam pertemuan yang lalu, kalau boleh saya *share* sedikit. Sebab sepanjang tempoh pendengaran awam dan mesyuarat di peringkat Jawatankuasa, kita bincang banyak kaedah untuk penambahbaikan. Lanjutan daripada saranan Tan Sri tadi supaya kita turut membantu SPR dalam perkara-perkara ini. Akan tetapi kita juga diingatkan dalam mesyuarat yang lepas, dalam tempoh perbincangan ini, ada beberapa insiden di mana SPR agak cepat membuat kenyataan-kenyataan yang sebenarnya mencatatkan perbincangan ini.

Sebagai contoh, apabila ada cadangan sebenarnya sama ada Pusat dan negeri akan adakan pilihan raya secara serentak ataupun secara berasingan. Ada kenyataan daripada SPR menyatakan okey, SPR akan berbincang dan menasihati kerajaan-kerajaan negeri supaya tidak membuat secara berasingan.

Persepsi di bawah tidak positif sebab peranan utama SPR adalah untuk mengendalikan pilihan raya, bukan menentukan tarikh. Sewajarnya tarikh pilihan raya ini adalah perbincangan sebaiknya di antara Perdana Menteri dengan menteri-menteri besar, khususnya di negeri-negeri di kalangan Pakatan Rakyat. SPR tidak sepatutnya melibatkan diri dalam proses itu kerana kita melihat mengapa dalam keadaan sekarang SPR terlalu berminat untuk menasihati Pakatan Rakyat bersama dengan Kerajaan Pusat, sedangkan bertahun-tahun Sarawak buat secara berasingan. Saya tidak pernah dengar kenyataan daripada SPR hendak menasihati Ketua Menteri Sarawak supaya tidak buat secara berasingan. Jadi, perkara-perkara ini sebenarnya tidak begitu positif untuk mengukuhkan imej SPR. Mereka perlu berhati-hati dalam membuat kenyataan. Itu yang pertama.

Yang kedua, yang saya ingat, kita juga bincang sedikit dalam mesyuarat yang lepas ialah tentang soal hukum. Sekarang Tan Sri bagi tahu kerana komponen atau jenis itu berbeza dengan tahun 2008, *indelible ink*. Jadi, ketika kenyataan itu dibuat, rakyat melihat mengapa perlu dirujuk sekali lagi kepada Majlis Fatwa Kebangsaan sedangkan telah pun dikeluarkan fatwa tentang penggunaan *indelible ink*. Maka, sekali lagi macam yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Rasah tadi, SPR harus menjelaskan, kami merujuk ini kerana komponen atau jenis itu berbeza. Kalau tidak, rakyat merasakan ini alasan untuk melengah-lengahkan pelaksanaan beberapa cadangan yang telah dikemukakan dalam Dewan Rakyat di Parlimen. Jadi, ini sekadar untuk saya kongsi dengan Tan Sri dan juga Timbalan Pengerusi supaya konteks kerjasama ini dapat kita melihat kedua-dua pihak dapat memainkan peranan masing-masing, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Saya hendak bagi *point* sedikit Yang Berhormat. Yang pertama tadi saya ingat saya yang membuat kenyataan itu. Kadang-kadang Yang Berhormat, apabila *reporter* bertanyakan dengan kita tentang tarikh menentukan pilihan raya ini, SPR menjawab, di bawah undang-undang, negeri berkenaan ada hak untuk menentukan tarikh pilihan raya masing-masing. Akan tetapi kadang-kadang *reporter* ini dia pandai bawa benda yang lain. Seolah-olah kita hendak berunding pula dengan negeri berkenaan supaya mengadakan pilihan raya bersama. Cuma kita nyatakan di peringkat SPR, kita lebih suka dibuat pilihan raya bersama kerana kalau dibuat berasingan, kosnya meningkat begitu tinggi. Itu sahaja *statement* kita.

Yang kedua tadi berkenaan dengan *indelible ink* ini. Kita belum buat kenyataan secara rasmi lagi. *Insyallah* kalau ada *reporter* tunggu petang ini, kita akan menyebutkan dakwat ini dakwat yang baru dan sebagainya. Sebelum ini, *just* orang kata, maklum sana sini sedikit sahaja.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Kenyataan telah keluar bahawa SPR akan merujuk perkara ini kepada Majlis Fatwa Kebangsaan untuk mendapatkan petua daripada Majlis Fatwa. Dia berhenti situ. Ini menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Mengapa hendak dirujuk sekali lagi sedangkan...

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: Sedangkan *ink* yang samakan? Sebenarnya *ink* yang berlainan. *Ink* yang lama itu telah dimusnahkan mengikut prosedur yang tertentu.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Sudah lupus.

Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd. Yusof: *Ink* yang baru ini *ink* yang berlainan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *I think* cukuplah itu. Memadailah. Semua sudah lapar. Jadi, dipelawa bagi pihak Ketua Menteri dan bagi pihak Yang Berhormat Gombak, saya menjemput malam ini makan *dinner*. Bagi pihak.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tempatnya di Restoran 1885, E&O Hotel, jam 8 malam. Siapa sudah bagi nama, sedia ambil maklum.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Baik, mesyuarat ditangguhkan. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 7.24 malam.